قليتا بروني
PELITA BRUNEI 70 TAHUN 1956-2026
*Membudayakan Masyarakat Bermaklumat*

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

"DARIPADA Ali bin Abi Talib Radiallahu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya : Orang yang kedekut (bakhil) adalah orang yang ketika namaku disebut tetapi dia tidak berselawat ke atasku".
(Hadis Riwayat Imam Termizi)

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.47 | SUBUH 4.57 | SYURUK 6.16 | DUHA 6.39 | ZUHUR 12.25 | ASAR 3.39 | MAGHRIB 6.32 | ISYAK 7.43 | Daerah Belait ditambah 3 minit Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 71 BILANGAN 99 | 19 OGOS 2026 / 1448 ربيع الأول 6 | JABATAN PENERANGAN | EDISI RABU / PERCUMA

# UNISSA NADI PERADABAN MELAHIRKAN UMMAH TAAT BERAGAMA



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) berkenan menguriniakan titah pada Majlis Hafl Al-Takharruj UNISSA Ke-16. - Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas.**

**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**

**BERAKAS**, Isnin, 17 Ogos. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) bukan hanya sebagai mercu tanda sebuah gedung ilmu, tetapi juga merupakan nadi peradaban untuk melahirkan ummah yang taat beragama.

UNISSA perlu terus istiqamah dalam usahanya menjadikan ilmu agama dan ilmu sains moden dapat digabungkan dalam satu wadah keilmuan yang dinamik.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor UNISSA dalam titah juga menyambut baik perkembangan positif UNISSA, untuk tampil menawarkan program Diploma Amalan Pengubatan Islam.

>> Muka 3

# Berkenan hantar titah perutusan takziah

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 17 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan takziah kepada Presiden Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Dato Laila Utama Prabowo Subianto, kerajaan dan rakyat Republik Indonesia berikutan dengan kejadian gempa bumi yang melanda di Pulau Flores, Nusa Tenggara Timur, Republik Indonesia yang telah mengakibatkan kehilangan nyawa, kecederaan serta kemusnahan harta benda dan infrastruktur.

# Taklimat pastikan Perhimpunan, Perarakan Sambutan Maulud Nabi berjalan lancar

**Berita : Siti Rokiah Abdullah**

**BERAKAS**, Selasa, 18 Ogos. - Bagi memastikan perjalanan Perhimpunan dan Perarakan Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara bagi Tahun 1448 Hijrah berjalan dengan lancar, satu taklimat dan perjumpaan telah diadakan bersama ketua-ketua pasukan, pagi tadi.

Taklimat dan perjumpaan tersebut telah berlangsung di Dewan Multaqa, Lantai Bawah, Bangunan Darul Hikmah, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Jalan Dewan Majlis, Berakas.

Perjumpaan tersebut dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap, KHEU, Dr. Awang Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad, selaku Pengerusi Jawatankuasa Kerja Perhimpunan dan Perarakan bagi Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara bagi Tahun 1448H.

Pada tahun ini, perhimpunan dan perarakan akan diadakan secara serentak di seluruh negara yang dijadualkan pada Selasa, 12 Rabiulawal 1448H bersamaan 25 Ogos 2026 Masihi, bermula pukul 7.00 pagi, dengan tema 'Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Suluh Aqidah'.

Acara kemuncak sambutan di peringkat negara akan diadakan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan, yang akan menjadi lokasi utama bagi perhimpunan dan perarakan tersebut.

>> Muka 8

IKUTI KAMI DI MEDIA SOSIAL & LAMAN SESAWANG
PELITA BRUNEI
Pelita Brunei | www.pelitabrunei.gov.bn

## Berita Utama



LAUNGAN dikir terus bergema di Istana Nurul Iman
Muka 9



UBD mengalu-alukan 1,097 pelajar baharu sesi akademik 2026/2027
Muka 12



36 agensi pelancongan dibenarkan mengendalikan pakej umrah
Muka 19



RENCANA
UNISSA menyerlah di persada antarabangsa, graduan mengorak langkah
Muka 21

# Memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan jati diri bangsa



**MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha semasa berucap pada Majlis Sambutan Bulan Bahasa 2026 pada Selasa, 7 Julai 2026 yang berlangsung di Dewan Musyawarah Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.**

**Bismillahir Rahmanir Rahim**
**Alhamdulillahi Rabbil 'Alameen**
**Wasaalatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Ambiae Walmursaleen,**
**Saidina Muhammadin Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee Ajama'een,**
**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**

**BERSYUKUR** kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan rahmat-Nya jua kita dapat berkumpul dalam sama-sama mengikuti majlis ilmu pada pagi ini, sempena Sambutan Bulan Bahasa 2026.

Istimewanya, pada tahun ini Sambutan Bulan Bahasa ditandai dengan mengambil sempena dan memperingati 65 tahun penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Ditubuhkan pada tahun 1961, DBP telah menggalas misi dan visi jabatan, selaras dengan kehendak negara dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu bagi memperkukuh perkembangan bahasa, sastera dan kebudayaan Melayu di Negara Brunei Darussalam (NBD). Sambutan Bulan Bahasa yang pertama kalinya diadakan pada tahun 1962 sehingga kini jelas membuktikan bahawa peranan bahasa Melayu di negara ini tidak dipandang ringan, meskipun menghadapi pelbagai hambatan yang semakin mencabar kedudukan bahasa Melayu.

NBD merupakan sebuah negara yang sangat terkenal dengan pendekatan penerapan dan penggunaan bahasa Melayu yang mana bahasa Melayu sudah awal didaulatkan dan menjadi sebagai bahasa rasmi negara dan telah dimeterai dalam Perlembagaan Negeri Brunei 1959, iaitu sebelum NBD mencapai kemerdekaan penuh pada 1 Januari 1984.

Melihat dari sudut pandang masa kini, walaupun bahasa Melayu telah didaulatkan sebagai bahasa rasmi, tidak dapat dinafikan bahawa terdapat juga sebilangan masyarakat yang meragui akan kemampuan bahasa Melayu, terutama dalam urusan-urusan rasmi yang berkaitan dengan domain profesional seperti pentadbiran, undang-undang atau perdagangan. Tanggapan, pola fikir dan keraguan akan kemampuan bahasa Melayu perlu diubah dan perubahan itu hendaklah dipraktikkan dari hal-hal kecil yang nampak sederhana, tetapi memberi impak besar dalam kehidupan kita.

Bahasa berperanan penting dengan cara seseorang berfikir. Salah satu peradaban manusia terletak pada cara masyarakatnya menuturkan kata atau norma penggunaan bahasa termasuklah ketertiban dalam berbicara. Bahasa tumbuh dan berkembang dalam suatu persekitaran yang di dalamnya terdapat segala macam budaya, pemikiran dan pandangan masyarakat jati yang menuturkannya. Sebab itu di NBD, muncul ungkapan 'Bahasa Jiwa Bangsa', iaitu ungkapan penuh makna yang dijadikan tema utama Sambutan Bulan Bahasa 2026 pada tahun ini kerana roh dan semangat kecintaan yang mendalam terhadap bahasa Melayu telah menjiwai sanubari kita sebagai cerminan identiti dan jati diri bangsa.

Bahasa yang produktif dan memiliki ciri keilmuan dapat melahirkan gagasan-gagasan baharu sebagai alat penghubung dan pembentuk variasi peradaban yang diwadahi oleh bahasanya. Semakin tertib penggunaan bahasa, semakin besar peranan bahasa itu sebagai jambatan menuju peradaban atau ketamadunan bangsa. Oleh itu, pembakuan bahasa sangat penting untuk menjadi sukat-sukat atau pemiawaian bahasa bagi sesebuah negara. Meskipun NBD mempunyai tujuh puak yang berlainan dialek, tetapi tetap saja disatukan dalam satu penggunaan bahasa yang menjadi medium penyatu antara bahasa-bahasa lain yang terdapat di negara ini, iaitu bahasa Melayu standard sebagai bahasa rasmi negara.

Tidak salah mempelajari bahasa asing atau bahasa penghantar kedua sebagai bahasa ilmu dan tidak salah juga kita mencedok ilmu dari luar negara yang bukan Melayu, asalkan ilmu tersebut dapat dimanfaatkan, khususnya calak kebruneian kerana salah satu cara untuk memajukan sebuah negara ialah dari bahasanya yang mampu mengungkapkan ilmu dengan meletakkan kewibawaan kepada bahasa itu sendiri.

Dan satu daripada penanda aras terhadap kemajuan sesebuah negara ialah apabila sesebuah negara berupaya memekarkan kosa kata sebagai pengembangan terhadap bahasa negara. Namun, dalam keasyikan kita membina atau mewujudkan istilah kosa kata atau terma-terma baharu yang semakin tumbuh subur, terutama di media sosial, janganlah kita lupa akan kaedah-kaedah pembentukan yang telah digarispandukan oleh institusi-institusi tertentu bagi memastikan keselarasan bahasa Melayu memiliki ciri keilmuan dan tatacara tertentu untuk dipatuhi. Selain itu, antara usaha lain bagi menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu adalah dengan melahirkan banyak karya yang bermutu dan bernilai intelek agar dapat menambah bahan rujukan yang masih terhad berbanding bahan rujukan ilmiah daripada bahasa-bahasa asing yang lain.

>> Muka 11

## WAKTU SEMBAHYANG

| OGOS MASIHI | HARI | RABIULAWAL HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 19 | RABU | 6 | 4.47 | 4.57 | 6.16 | 6.39 | 12.25 | 3.39 | 6.32 | 7.43 |
| 20 | KHAMIS | 7 | 4.47 | 4.57 | 6.16 | 6.39 | 12.25 | 3.38 | 6.32 | 7.42 |
| 21 | JUMAAT | 8 | 4.47 | 4.57 | 6.16 | 6.39 | 12.25 | 3.38 | 6.31 | 7.42 |
| 22 | SABTU | 9 | 4.47 | 4.57 | 6.16 | 6.38 | 12.24 | 3.37 | 6.31 | 7.42 |
| 23 | AHAD | 10 | 4.47 | 4.57 | 6.16 | 6.38 | 12.24 | 3.36 | 6.30 | 7.41 |
| 24 | ISNIN | 11 | 4.47 | 4.57 | 6.15 | 6.38 | 12.24 | 3.35 | 6.30 | 7.41 |
| 25 | SELASA | 12 | 4.47 | 4.57 | 6.15 | 6.38 | 12.24 | 3.34 | 6.30 | 7.40 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | RABU | KHAMIS | JUMAAT |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 32 25 °C | 33 25 °C | 33 25 °C |
| Pekan Bangar | 32 25 °C | 33 25 °C | 32 25 °C |
| Pekan Tutong | 34 26 °C | 33 25 °C | 32 26 °C |
| Kuala Belait | 34 26 °C | 33 25 °C | 33 26 °C |

Wallahualam Bissawab www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG 19 OGOS 2026

### Pemikiran positif beri impak kesihatan mental, fizikal

**HAKIKAT** dalam kehidupan, tiada yang menafikan bahawa berfikir positif dapat membantu mereka menguruskan kehidupan dengan lebih baik. Pun begitu, sekadar percaya bahawa pemikiran sebegitu adalah baik untuk kita adalah sangat jauh daripada mencukupi.

Sebaliknya kita harus tekad untuk belajar dan membudayakan pemikiran positif setiap hari. Ini bermakna, jika mengamalkan sikap sedemikian, sekurang-kurangnya kita dapat bertahan dengan baik walaupun dikelilingi persekitaran yang negatif. Namun, sejauh mana kita boleh bertahan?

Sebetulnya, bukan mudah untuk bertahan dalam persekitaran yang negatif. Ini kerana, persekitaran yang negatif membolehkan banyak perkara di luar jangka boleh berlaku.

Apa yang nyata, kesemua hal tersebut menyebabkan kita menjadi stres, semakin lemah dan kecewa untuk hidup. Namun, jika kita bersungguh-sungguh belajar kaedah berfikir dengan positif secara langsung akan membentuk sikap yang optimis berbanding dengan pesimis.

Pemikiran itu dapat memberi impak yang baik kepada kesihatan mental dan fizikal. Pemikiran itu juga, bukannya menolak sesuatu realiti dan cuba mengambil mudah sesuatu keadaan tetapi menggunakan pendekatan yang betul pada ketika senang dan susah serta sentiasa membina jangkaan bahawa kesemuanya akan berkeadaan baik semula.

Menurut kajian, sekiranya seseorang itu memberikan senyuman (walaupun palsu) ketika menghadapi tekanan adalah lebih baik daripada menunjukkan ekspresi muka yang neutral atau bersahaja. Ini bermakna jika senyuman itu adalah tulen, maka kesannya akan lebih besar lagi.

Dalam masa sama, setiap hari kita harus menulis atau mengingatkan diri sendiri apa perkara baik yang telah kita lakukan supaya dapat merangsang otak dan emosi agar sentiasa tenang dan bersyukur. Malah, kita perlu sentiasa memberi fokus kepada kekuatan diri serta merancang bagaimana menggunakan kekuatan yang ada pada kita untuk terus cemerlang.

Menurut perspektif Islam pula, pemikiran positif adalah berkaitan dengan bersangka baik. Namun jika berprasangka buruk, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda : "*Berhati-hatilah terhadap prasangka, kerana sesungguhnya prasangka adalah anggapan yang paling dusta, dan janganlah mendengar aib saudaranya, mengintai-intai, saling benci, saling membelakangi dan saling marah. Jadilah hamba Allah yang bersaudara*". (Hadis Riwayat Bukhari).

Selain itu, kita juga harus bersangka baik terhadap Allah walaupun seberat mana ujian sepertimana sabda Rasulullah iaitu : "*Bersangka baik kepada Allah adalah berlepas daripada segala hal kecuali Allah Azza wa jalla*". (Hadis Riwayat Baihaqi).

Oleh itu, kita tinggalkanlah satu legasi yang baik kepada masyarakat walaupun dengan hanya satu senyuman, justeru, kasihlah diri sendiri dengan membudayakan pemikiran positif setiap hari. **- Ketua Penyuntingan (Zk)**

**Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga**

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتربيتكن اوله جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله ڤرينت ڤلس سندرين برحد، نݢارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# UNISSA nadi peradaban melahirkan ummah taat beragama

**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Awang Haji Abas, Mohammad Hasif Matzin**

>> Muka 1

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian pada Majlis Hafl Al-Takharruj UNISSA Ke-16 yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas, di sini.

"Beta juga mengambil maklum mengenai jalinan kerjasama strategik UNISSA dengan universiti-universiti berprestij luar negara untuk meningkatkan *visibility* UNISSA di peringkat antarabangsa.

"Penawaran program Dwi Ijazah dan Dual Degree UNISSA bersama dengan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Universiti Malaysia Sabah bukan sahaja memperkenalkan Negara Brunei Darussalam (NBD) sebagai pilihan destinasi pelancongan pendidikan, bahkan juga akan dapat memperluaskan jaringan peluang kerjaya," titah baginda lagi.

Memandangkan pasaran kerja semakin kompetitif, Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya bertitah menegaskan agar UNISSA untuk terus komited dalam menawarkan program pengajian yang berkualiti.

Sehubungan itu, Kebawah DYMM dalam titah menyarankan UNISSA supaya memantapkan lagi program-program yang ditawarkan, dan pada masa yang sama, pihak-pihak berkenaan juga hendaklah memperkemas kualiti sukatan pelajaran dan kurikulum bagi pelajar-pelajar di peringkat pra-universiti.

Dalam usaha mewujudkan program-program yang berkualiti, baginda seterusnya berharap semua institusi pengajian tinggi perlu membuat perancangan yang lebih terarah supaya tidak berlaku pertindihan program yang ditawarkan sesama institusi lain.

"Langkah ini akan memastikan institusi pendidikan seperti UNISSA dapat memberikan tumpuan kepada misi unik menyatukan ilmu ugama dan sains moden, sekali gus memaksimumkan impak pelaburan awam, di samping menjamin penghasilan tenaga kerja mahir," titah baginda lagi.

Kebawah DYMM dalam titah turut mengucapkan syabas dan tahniah kerana UNISSA mencapai kedudukan yang ke-147 dalam senarai Top 500 Global Innovative Universities dalam World University Rankings for Innovation (WURi) 2026, bahkan turut juga meraih Global Good Governance (3G) Awards sebagai pengiktirafan terhadap inovasi dan kecemerlangan UNISSA.

Kejayaan ini titah baginda lagi, mampu menjadi motivasi membawa graduan dan alumni ke arah lebih gemilang. Para graduan dan alumni diharap akan terus menitikberatkan usaha mempertingkatkan kemahiran.

Dalam titah, Kebawah DYMM juga menegaskan kelangsungan hidup masyarakat kita dalam era globalisasi yang serba mencabar ini amatlah bergantung kepada kesediaan kita untuk terus meneroka ilmu serta menguasai kepakaran baharu.

Islam titah baginda lagi, sentiasa menggalakkan umatnya untuk terus menambah ilmu, sebagaimana dalam Surah Taha, ayat 114, Allah Subhanahu Wata'ala menyarankan kepada Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam supaya berdoa memohon pertambahan ilmu.

"Di kesempatan ini, beta menyeru kepada semua graduan dan alumni UNISSA agar senantiasa berusaha memajukan diri dengan meningkatkan kebolehpasaran masing-masing, terutama melalui penglibatan aktif dalam bidang keusahawanan yang bukan sahaja memberi manfaat kepada diri sendiri, bahkan juga menyumbang kepada kepelbagaian ekonomi negara.

"Akhir kalam, beta merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada seluruh warga UNISSA yang terdiri daripada Ahli-ahli Majlis, Senat, Rektor, pegawai-pegawai utama, tenaga akademik dan seluruh pegawai serta kakitangan UNISSA atas segala sumbangan, komitmen, pengorbanan tenaga dan buah fikiran yang telah dicurahkan dalam menjayakan Majlis Hafl Al-Takharruj Ke-16.

"Semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan membalasnya dengan ganjaran kebaikan yang berlipat ganda. Amin…," titah baginda lagi.

Terdahulu dalam titah, Kebawah DYMM bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua, dapatlah bersama-sama hadir dalam Majlis Hafl Al-Takharruj UNISSA Ke-16.

Baginda seterusnya bertitah dengan tulus ikhlas mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua graduan yang diraikan. Semoga segala ilmu dan pengalaman yang diperoleh akan jadi bekal berharga untuk digunakan.

Kebawah DYMM juga merakamkan ucapan tahniah dan penghargaan kepada para ibu bapa, penjaga serta tenaga akademik yang menjadi pendorong utama di sebalik kejayaan para graduan.



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) berkenan mengurniakan titah pada Majlis Hafl Al-Takharruj UNISSA Ke-16, Tahun 2026.**




**SEKITAR Majlis Hafl Al-Takharruj UNISSA Ke-16, Tahun 2026 yang diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.**

# HAFL AL-TAKHARRUJ UNISSA RAIKAN 443 GRADUAN





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) berkenan berangkat ke Majlis Hafl Al-Takharruj UNISSA Ke-16, Tahun 2026 bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. Berangkat sama, paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro-Canselor UNISSA (kiri dan kanan).**

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Awang Haji Sulaiman**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Awang Haji Abas, Mohammad Hasif Matzin**

**BERAKAS**, Isnin, 17 Ogos. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) sekali lagi mencatatkan pencapaian dalam melahirkan graduan yang berilmu, berakhlak dan berteraskan nilai-nilai Islam apabila seramai 443 graduan menerima ijazah dan diploma masing-masing pada Hafl Al-Takharruj UNISSA Ke-16 yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas, pagi tadi.

Hafl Al-Takharruj UNISSA Ke-16 berkenaan diserikan lagi dengan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor UNISSA, yang berkenan menyempurnakan penguriaan ijazah dan diploma kepada para graduan.

Berangkat sama paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, selaku Pro-Canselor UNISSA.

UNISSA mula melahirkan graduan pertamanya pada tahun 2011, dan pada tahun ini merupakan Hafl Al-Takharruj atau Konvokesyen yang Ke-16 setelah UNISSA mula membuka penawaran pengajian pada tahun 2007.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, selaku Pengerusi Majlis UNISSA dan Rektor UNISSA, Profesor Madya Dr. Awang Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani.

Sejurus keberangkatan tiba, perarakan baginda didahului dengan Bentara menjunjung Mushaf UNISSA yang diiringi dengan alunan selawat dan qasidah (dikir) 'Ahlan Bikum Sultanana' dan kemudiannya diikuti dengan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' sejurus selesai Perarakan Canselor.

Hafl Al-Takharruj disemarakkan dengan alunan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran iaitu Surah Ali 'Imran bermula ayat 189 hingga 192 yang dibacakan oleh graduan Ijazah Sarjana Muda Syariah (Fiqh dan Usul), Fakulti Syariah, Awang Abdulsalam Jaidee.

Beliau juga menjuarai Musabaqah Al-Quran Thailand 2014 dan menduduki tempat kedua dalam Musabaqah Antarabangsa Malaysia 2016 serta tempat ketiga di Musabaqah Al-Quran Kebangsaan Thailand 2025.

>> Muka 5



**DOA Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan (atas). Manakala gambar kanan sekali, Hafl Al-Takharruj disemarakkan dengan alunan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran dan inti sari ayat.**










**SEBAHAGIAN yang hadir menadah tangan semasa doa dibacakan (atas tengah dan kiri). Manakala gambar atas, persembahan nasyid menyerikan lagi majlis tersebut.**





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyempurnakan pengurniaan ijazah dan diploma kepada para graduan (kiri dan kanan).**

>> Muka 4

Manakala bacaan Al-Hadith disampaikan oleh graduan Ijazah Sarjana Muda Usuluddin (Tahfiz dan Qira'at), Fakulti Usuluddin, Awang Muhammad Adi Syazani@Muhammad Izz Raziq bin Shahri.

Pada tahun 2025, beliau menjuarai Musabaqah Hafaz 30 Juz Al-Quran anjuran Universiti Al-Quran Al-Sultan Abdullah Ahmad Shah Pahang dan menjadi naib johan Musabaqah Hafaz Al-Quran di Festival Al-Qur'an Online International anjuran Universitas Islam Negeri Aji Muhammad Idris Samarinda, Indonesia 2024 serta naib johan Musabaqah Menghafaz 30 Juz Al-Quran berserta Pemahamannya peringkat Kebangsaan 2023 dan 2024 Negara Brunei Darussalam. Beliau juga pernah mewakili negara di Musabaqah Menghafaz Al-Quran Antarabangsa, Mekah pada tahun 2023 dan Kuwait pada tahun 2024.

Sementara inti sari ayat-ayat suci Al-Quran dan Al-Hadith pula dibacakan oleh graduan Ijazah Sarjana Muda Usuluddin (Tahfiz dan Qira'at), Fakulti Usuluddin, Awang Muhammad Nur Nasrullah bin Abdullah Abdul Razak.

Beliau merupakan juruacara dalam Musabaqah Menghafaz Al-Quran MABIMS, dari tahun 2022 sehingga tahun 2026 dan mempunyai pengalaman selama enam tahun mengetuai sembahyang terawih di masjid-masjid dan surau-surau sekitar Daerah Belait. Pada masa kini, beliau bertugas sebagai pelapor rampai pagi, Radio Televisyen Brunei.

Antara inti sari ayat-ayat Al-Quran yang dibacakan ialah untuk mengingatkan kita bahawa ilmu bukan sekadar untuk dipelajari tetapi untuk membentuk peribadi dan memajukan umat di mana kita menjadi golongan 'Ulul al-Bab, iaitu manusia yang menggunakan akal dan ilmu untuk mengenal kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala.

Seterusnya, dalam ayat ini, Allah memuji mereka yang sentiasa mengingati-Nya dan pada masa yang sama berfikir serta mengkaji ciptaan-Nya. Ini menunjukkan bahawa Islam membina generasi yang seimbang antara kekuatan ilmu, kekuatan akal dan kekuatan iman.

Kemudian, ayat yang dibacakan juga menyentuh mengenai Generasi 'Khayra Ummah'; generasi yang bukan hanya cemerlang dalam akademik tetapi generasi yang menjadikan ilmu sebagai jalan berbakti, menyumbang kepada negara, berakhlak mulia serta membawa rahmat kepada orang lain.

Diharap para graduan UNISSA akan terus menjadi pewaris ilmu yang berintegriti, berwawasan dan berjiwa rabbani, seterusnya memimpin masyarakat ke arah kecemerlangan dunia dan akhirat.

Manakala inti sari Al-Hadith pula menjelaskan bahawa antara tanda terbesar seseorang mendapat kebaikan ialah apabila Allah mengurniakan kepadanya kefahaman dalam agama.

Kefahaman agama yang disebut dalam hadis ini tidak hanya terhad kepada mengetahui hukum-hakam, tetapi mempunyai kebijaksanaan dalam membuat keputusan, berakhlak mulia serta keupayaan memanfaatkan ilmu untuk kebaikan masyarakat dan negara.

>> Muka 6





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berangkat ke majlis berkenaan (atas). Manakala gambar atas kanan, baginda berkenan menerima pesambah.**





**PARA graduan yang diraikan menunjukkan ijazah masing-masing (kanan dan kanan sekali).**



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda dijunjung bagi sesi bergambar ramai.**

>> Muka 5

Kemudian, ilmu yang diperoleh hendaklah disertai dengan iman, amanah dan rasa tanggungjawab. Apabila ilmu dipandu oleh nilai-nilai agama, maka lahirlah generasi yang bukan sahaja cemerlang dalam bidang kepakaran masing-masing tetapi juga menjadi contoh teladan kepada masyarakat.

Pada majlis tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah dan seterusnya menyempurnakan pengurniaan ijazah dan diploma kepada para graduan.

Sebelum itu, Rektor UNISSA telah menyembahkan sembah alu-aluan dan kemudiannya memaklumkan penerima-penerima Pingat dan Hadiah Buku Universiti serta para penyumbang sempena Hafl Al-Takharruj UNISSA Ke-16.

Hafl Al-Takharruj tahun ini menyaksikan enam graduan menerima Ijazah Doktor Falsafah, 57 graduan menerima Ijazah Sarjana, 15 graduan menerima Diploma Siswazah, dua graduan menerima Diploma Lepas Ijazah, 315 graduan menerima Ijazah Sarjana Muda dan 40 graduan menerima Diploma Tertinggi Kebangsaan.

Sementara itu, seramai lima penerima menerima bagi Program Diploma Kebangsaan, manakala bagi Ijazah Khas Hafazan 30 juzuk menyaksikan seramai tiga orang penerima.

Pada tahun ini turut menyertai perbarisan ialah 39 graduan penerima ijazah daripada negara-negara di rantau Asia Tenggara termasuk Thailand, Republik Indonesia, Republik Singapura, Republik Rakyat Bangladesh, Ghana, Jepun, Nigeria, Palestin, Republik Arab Mesir dan Republik Islam Pakistan.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned.

Majlis Hafl Al-Takharruj UNISSA Ke-16 yang berlangsung penuh adat dan meriah ini bukan sekadar meraikan kejayaan, malah membawa amanah besar kepada para graduan untuk berbakti demi kemajuan agama, bangsa dan negara.

Sejajar dengan itu, UNISSA terus komited menyediakan pendidikan tinggi Islam yang berkualiti serta penyelidikan berimpak tinggi bagi memacu pembangunan ummah yang mampan berteraskan Maqasid Syari'ah. Usaha ini secara langsung menyokong visi UNISSA untuk menjadi sebuah institusi pengajian tinggi Islam global yang melahirkan Generasi Khayra Ummah.



**SEKITAR keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan paduka anakanda baginda ke majlis tersebut (atas dan bawah).**





**PARA graduan berserta keluarga masing-masing tidak melepaskan peluang untuk berswafoto bersama Kebawah DYMM dan paduka anakanda baginda (atas).**





**KEBAWAH DYMM berkenan beramah mesra bersama graduan dan keluarga masing-masing (kiri dan kiri sekali).**

# MEMPERKUKUH AGENDA KELESTARIAN, AKADEMIK, MEMPERLUAS JARINGAN PENGAJIAN TINGGI

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Awang Haji Sulaiman**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Awang Haji Abas, Mohammad Hasif Matzin**




**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) berkenan berangkat ke Majlis Hafl Al-Takharruj UNISSA Ke-16, Tahun 2026.**

**BERAKAS**, Isnin, 17 Ogos. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) terus memperkukuh agenda pembangunan akademik dan kelestarian, di samping memperluas jaringan pengajian tinggi di peringkat antarabangsa bagi memastikan graduan yang dilahirkan sentiasa relevan dengan keperluan semasa dan masa hadapan.

Pada Hafl Al-Takharruj UNISSA Ke-16 yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas, Rektor UNISSA, Profesor Madya Dr. Awang Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani memulakan sembah alu-aluannya dengan menyatakan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam merupakan satu penghormatan yang amat besar kepada seluruh warga UNISSA.

"Keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik bukan sahaja menyerlahkan keprihatinan Kebawah Duli Tuan Patik terhadap pembangunan pendidikan tinggi dan modal insan negara, bahkan menjadi sumber inspirasi kepada seluruh graduan untuk terus berbakti kepada agama, raja dan negara," sembah Rektor UNISSA.

Selaras dengan keprihatinan UNISSA terhadap agenda kelestarian global, UNISSA tambah Profesor Madya Dr. Awang Abdul Nasir telah mewujudkan Pelan Induk Kelestarian UNISSA 2026-2030 sebagai kerangka strategik hala tuju hijau.

Inisiatif ini sembahnya, sejajar dengan Dasar Pendidikan Hijau yang digariskan oleh Kementerian Pendidikan serta matlamat Sustainable Development Goals (SDGs) Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, sekali gus memperkukuh komitmen UNISSA dalam melahirkan generasi yang bukan sahaja berilmu, tetapi bertanggungjawab terhadap kelestarian hijau dan pembangunan yang mampan.

Seiring dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035 dan Pelan Strategik UNISSA 2024-2028, universiti ini terus komited melahirkan graduan yang bukan sahaja cemerlang dalam bidang ilmu, bahkan memiliki jati diri Islam, kepimpinan, daya tahan serta kompetensi global.

"Berpandukan teras strategik utama iaitu Melahirkan Graduan Siaga Masa Depan, UNISSA sentiasa meneliti perkembangan landskap pendidikan tinggi antarabangsa dan keperluan pasaran kerja bagi memastikan setiap program pengajian, kurikulum serta aktiviti kokurikulum sentiasa relevan dengan perubahan semasa.

"Pendekatan ini bertujuan melahirkan graduan yang bersifat holistik, inovatif, beretika serta mampu menyumbang secara bermakna kepada pembangunan negara dan ummah," sembah Rektor UNISSA lagi.

Bagi merealisasikan aspirasi tersebut, UNISSA, tambahnya terus memperkukuh ekosistem akademiknya melalui penawaran program-program pengajian yang responsif terhadap perkembangan ilmu, keperluan negara serta tuntutan masyarakat.

Profesor Madya Dr. Awang Abdul Nasir seterusnya menyembahkan, bahawa UNISSA telah memperkenalkan beberapa program baharu di peringkat pasca siswazah bagi melahirkan tenaga profesional, penyelidik dan pemimpin yang berwibawa dalam bidang-bidang strategik.

Antaranya ialah Program Ijazah Sarjana Pelancongan (secara Penyelidikan) dan Program Doktor Falsafah Pelancongan di bawah Fakulti Sains Halal dan Pelancongan Mampan.

Penawaran program-program ini merupakan langkah strategik dalam menyokong pembangunan industri pelancongan yang berteraskan kelestarian, di samping memperkukuh agenda edu-tourism Negara Brunei Darussalam serta memperluas peranan UNISSA sebagai pusat kecemerlangan pendidikan tinggi Islam yang mengintegrasikan ilmu, penyelidikan dan pembangunan mampan.

Dalam masa yang sama, Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam turut menawarkan Program Sarjana Pengurusan Pembangunan melalui mod Kerja Kursus dan mod Kerja Kursus dan Disertasi sebahnya lagi.

Program ini memberi penekanan kepada pembangunan kepimpinan, penggubalan dasar dan pengurusan strategik berteraskan nilai-nilai Islam, sejajar dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035 dalam melahirkan pemimpin dan profesional yang berintegriti serta berdaya saing.

Menurut Profesor Madya Dr. Awang Abdul Nasir lagi, sebagai manifestasi komitmen UNISSA terhadap pengantarabangsaan pengajian tinggi, universiti ini juga terus memperluaskan jaringan kerjasama akademik dengan institusi pengajian tinggi terkemuka di rantau ini.

Ke arah itu, Fakulti Bahasa Arab telah menawarkan Program Ijazah Dual Sarjana Bahasa Arab melalui kerjasama dengan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Malaysia, manakala Fakulti Teknologi Islam menawarkan Program Ijazah Dwi Sarjana Media dan Komunikasi Teknologi Islam bersama Universitas Islam Negeri Sunan Gunung Djati, Bandung, Republik Indonesia.

Kerjasama strategik ini sembahnya bukan sahaja memperkukuh reputasi akademik UNISSA di persada antarabangsa, bahkan membuka peluang kepada para pelajar memperoleh pengalaman pembelajaran rentas negara, memperluas jaringan profesional serta meningkatkan daya saing graduan dalam pasaran kerja serantau dan global.

UNISSA juga terus memperkasa program pembelajaran sepanjang hayat melalui penawaran Program Diploma Lepasan Ijazah Amalan Pengubatan Islam hasil kerjasama antara Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat dengan Fakulti Syariah.

Program ini sembah beliau diwujudkan bagi melahirkan pengamal pengubatan Islam yang berpengetahuan, berkemahiran serta berpegang teguh kepada prinsip-prinsip syariah dan sunnah dalam amalan perubatan, sekali gus menyokong perkembangan sektor kesihatan Islam di Negara Brunei Darussalam.

Profesor Madya Dr. Awang Abdul Nasir seterusnya menyembahkan, dalam usaha memperkukuh keilmuan Islam yang bersifat multidisiplin, Fakulti Syariah turut menawarkan Kursus Minor Falak Syar'i yang memberi penekanan kepada aplikasi ilmu falak dalam penentuan waktu solat, arah kiblat, hisab dan rukyah.

Inisiatif ini mencerminkan kesungguhan UNISSA memelihara khazanah keilmuan Islam melalui pendekatan yang relevan dengan perkembangan sains dan teknologi semasa.

"Bagi menyokong usaha memperkukuh kecemerlangan akademik dan penyelidikan di peringkat antarabangsa, UNISSA telah menubuhkan Global Initiative Office sebagai pusat koordinasi pengantarabangsaan universiti.

"Penubuhan pejabat ini menjadi pemangkin kepada usaha memperluaskan kerjasama global, meningkatkan kemasukan pelajar antarabangsa, dan wadah memperkukuh kredibiliti UNISSA di persada dunia serta mengangkat Negara Brunei Darussalam sebagai salah satu destinasi pengajian tinggi Islam yang unggul," sembah Rektor UNISSA.

Terdahulu dalam sembah alu-aluannya, Rektor UNISSA juga menyentuh bahawa pencapaian yang diraih oleh para graduan pada hari ini merupakan hasil usaha gigih sepanjang tempoh pengajian mereka di UNISSA.

"Kejayaan yang diraikan pada hari ini bukan sekadar melambangkan kecemerlangan akademik, bahkan mencerminkan ketabahan, disiplin dan iltizam mereka dalam menuntut ilmu serta mempersiapkan diri sebagai modal insan yang berilmu, berakhlak dan berbakti kepada masyarakat.

"Penghargaan yang tidak terhingga juga ditujukan kepada para ibu bapa, penjaga, ahli keluarga, para pensyarah serta seluruh warga UNISSA yang telah memberikan bimbingan, dorongan dan pengorbanan sepanjang perjalanan akademik para graduan sehingga mereka berjaya menamatkan pengajian pada hari yang bersejarah ini," sembahnya.



**REKTOR UNISSA dalam sembah alu-aluannya pada Majlis Hafl Al-Takharruj UNISSA Ke-16.**

- **UNISSA telah mewujudkan Pelan Induk Kelestarian UNISSA 2026-2030 sebagai kerangka strategik hala tuju hijau.**
- **UNISSA terus komited melahirkan graduan yang bukan sahaja cemerlang dalam bidang ilmu, bahkan memiliki jati diri Islam, kepimpinan, daya tahan serta kompetensi global.**
- **UNIVERSITI ini terus memperkukuhkan ekosistem akademiknya melalui penawaran program-program pengajian yang responsif terhadap perkembangan ilmu, keperluan negara serta tuntutan masyarakat.**
- **UNISSA telah memperkenalkan beberapa program baharu di peringkat pasca siswazah bagi melahirkan tenaga profesional, penyelidik dan pemimpin yang berwibawa dalam bidang-bidang strategik.**

# BERKENAN BERANGKAT BAGI SESI BERGAMBAR RAMAI BERSAMA DPMM FC

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Mohammad Hasif Matzin





**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat bagi Acara Bergambar Ramai bersama dengan Kelab Bola Sepak Duli Pengiran Muda Mahkota (DPMM FC) (atas dan kiri).**

**JERUDONG**, Selasa, 18 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat bagi Acara Bergambar Ramai bersama dengan Kelab Bola Sepak Duli Pengiran Muda Mahkota (DPMM FC), petang tadi.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Pengerusi DPMM FC di Jerudong Park Mini Stadium dijunjung oleh Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim bin Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak (Dr.) Kemaludin Al-Haj, Timbalan Pengerusi DPMM FC. Turut menjunjung keberangkatan tiba, Pengurus Am DPMM FC, Awang Mohamad Ali bin Haji Momin.

Pada acara tersebut, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan bergambar ramai dan beramah mesra bersama dengan para pemain dan pegawai pasukan dan kakitangan kelab DPMM FC sebagai sebahagian daripada persiapan menghadapi Musim Kejohanan Liga Super Malaysia Musim 2026 / 2027.

DPMM FC terdiri daripada 25 pemain termasuk sembilan pemain import akan membawa cabaran DPMM FC pada musim ini. DPMM FC dijadualkan memulakan kempen Liga Super Malaysia Musim 2026 / 2027 pada Ahad, 23 Ogos 2026, menentang Penang FC di Stadium Bandaraya Pulau Pinang.

Menjelang perlawanan pembukaan tersebut, Pasukan DPMM FC telah menjalani persiapan dan latihan intensif bagi memastikan para pemain berada pada tahap kecergasan dan persediaan yang terbaik.

Sokongan daripada pihak pengurusan, penaja, penyokong serta seluruh warga Negara Brunei Darussalam (NBD) amat penting dalam memberikan semangat kepada Pasukan DPMM FC untuk menghadapi saingan musim ini.

DPMM FC berharap Liga Super Malaysia Musim 2026 / 2027 akan menjadi satu lagi lembaran kejayaan buat pasukan, sekali gus mengharumkan nama NBD di persada bola sepak serantau.



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan beramah mesra bersama pemain-pemain DPMM FC (atas) manakala gambar kanan, suasana semasa acara tersebut.**



# Taklimat pastikan Perhimpunan, Perarakan Sambutan Maulud Nabi berjalan lancar

>> Muka 1

Antara agensi yang turut memberikan taklimat ialah Jabatan Adat Istiadat Negara; Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Perdana Menteri; Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Kementerian Kesihatan; Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan - Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan; Jabatan Pentadbiran, KHEU; Bahagian Bangunan dan Pemeliharaan, KHEU serta Urus Setia.



Pada tahun ini, perhimpunan, perarakan dan perbarisan dibahagikan kepada lima kategori, iaitu Pasukan Utama; Kementerian - kementerian; Sekolah - sekolah Menengah dan Institusi Pengajian Tinggi; Sekolah-sekolah Rendah, Ugama dan Persediaan Arab; kampung dan masjid dan persatuan dan sektor swasta.

Melalui taklimat yang diberikan, para wakil ketua pasukan berkesempatan untuk mengambil perhatian terhadap perkara-perkara yang berkaitan, termasuk tatacara, peraturan serta persiapan yang perlu dilaksanakan bagi memastikan perjalanan perhimpunan dan perarakan pada tahun ini dapat berlangsung dengan lancar, teratur dan sempurna, selaras dengan hasrat penganjuran sambutan berkenaan.



**TAKLIMAT dan perjumpaan telah diadakan bagi memastikan perjalanan Perhimpunan dan Perarakan Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara bagi Tahun 1448 Hijrah berjalan dengan lancar (atas dan kiri).**

**Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah**

# MAJLIS BERCORAK KEAGAMAAN SEMPENA MAULIDUR RASUL DITERUSKAN

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie
Pg. Haji Nikman



**YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Pemangku Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir pada majlis berkenaan.**



**MAJLIS bercorak keagamaan yang sama turut diadakan bagi jemaah wanita di Surau Kecil, Istana Nurul Iman, pada malam yang sama.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 18 Ogos. - Majlis Bercorak Keagamaan sempena Sambutan Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam 1448 Hijrah bagi malam keenam diteruskan malam ini di Istana Nurul Iman, dengan pengisian keagamaan dan persembahan dikir daripada pelbagai agensi kerajaan serta persatuan.

Majlis berkenaan dihadiri pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan Jabatan Pengajian Islam (JPI), Jemaah Masjid Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Kampung Lambak Kiri, Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) Berakas 'B' serta Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT), Muslimah dan Kumpulan Belia Masjid (KBM) Masjid Pehin Datu Imam (PDI) Haji Abdul Mokti, Kampung Burong Pingai Ayer.

Hadir pada majlis tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Pemangku Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Acara dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah, diikuti bacaan ayat-ayat suci Al-Quran. Majlis kemudiannya diserikan dengan tazkirah bertajuk 'Menyemai Cinta Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam melalui Tiga Kunci Keberkatan' yang disampaikan oleh Awang Muhammad Syahirul Syafiq bin Rashid.

Pengisian majlis diteruskan dengan persembahan Dikir Assalamualaika dan Dikir Asyarakal daripada pegawai dan kakitangan KHEDN.

Dikir Khairuman pula dipersembahkan oleh pegawai serta kakitangan Jabatan Bomba dan Penyelamat, serta Jabatan Penjara juga Ahli-ahli MPK Berakas 'B', manakala Dikir Bisyahrin dipersembahkan oleh AJKT dan KBM Masjid PDI Haji Abdul Mokti, Kampung Burong Pingai Ayer.

Sementara itu, Dikir Al-Hamdu dan Dikir Badat dipersembahkan oleh pegawai JPI, Bahagian Sekolah Ugama Brunei III.

Majlis kemudiannya disudahi dengan bacaan Doa Dikir serta Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam sebagai tanda kesyukuran serta memohon keberkatan untuk negara dan kesejahteraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Dalam pada itu, majlis bercorak keagamaan yang sama turut diadakan bagi jemaah wanita di Surau Kecil, Istana Nurul Iman.

Hadir pada majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap (Keselamatan, Penguatkuasaan dan Perundangan), KHEDN, Dayang Hajah Nor Hamidah binti Haji Hamidon.

Tazkirah bertajuk 'Menyemai Cinta Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam melalui Tiga Kunci Keberkatan' disampaikan oleh Dayang Hajah Aqilah Mukarramah binti Haji Salleh. Majlis turut disemarakkan dengan persembahan Dikir Assalamualaika dan Dikir Asyarakal daripada pegawai dan kakitangan KHEDN.

Dikir Khairuman dipersembahkan oleh Jemaah Masjid STKRJ Kampung Lambak Kiri, manakala Dikir Bisyahrin dipersembahkan oleh Muslimah Masjid dan KBM Masjid PDI Haji Abdul Mokti, Kampung Burong Pingai Ayer.

Dikir Al-Hamdu dan Dikir Badat pula dipersembahkan oleh pegawai JPI, Bahagian Sekolah Ugama Brunei III.

# Laungan dikir terus bergema di Istana Nurul Iman



**SEKITAR Majlis Bercorak Keagamaan bersempena Sambutan Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam bagi malam kelima di Istana Nurul Iman.**

Oleh : Siti Rokiah Abdullah
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Siti Rokiah Abdullah

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 17 Ogos. - Acara keagamaan terus disemarakkan sempena memperingati Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1448 Hijrah.

Istana Nurul Iman pada malam tadi diserikan dengan acara bercorak keagamaan melalui alunan Dikir Syarafil Anam yang berlangsung di Surau Istana Nurul Iman.

Acara berkenaan diadakan sebagai tanda kecintaan dan penghormatan terhadap junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, di samping menyemarakkan lagi suasana Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di Negara Brunei Darussalam.

Majlis tersebut turut menjadi wadah bagi meningkatkan rasa kecintaan terhadap Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam serta menghayati perjuangan, akhlak dan ajaran Baginda untuk diamalkan dalam kehidupan seharian.

Di ruangan lelaki yang diadakan di Surau Istana Nurul Iman, majlis dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah, diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Sayyidul Istighfar beramai-ramai.

Acara kemudiannya diteruskan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran dan penyampaian tazkirah bertajuk 'Menyemai Cinta Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam melalui Doa Membina Jiwa Tenang' yang disampaikan oleh Pegawai Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Awang Mohammad Nasyith bin Superi.

Pada malam kelima, alunan Dikir Assalamualaika dan Asyrakal dipersembahkan oleh rombongan daripada Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri (KEPI) yang diketuai oleh Setiausaha Tetap (Industri), KEPI, Awang Mohammad Haris bin Brigadier Jeneral (B) Dato Paduka Haji Ibrahim. Turut hadir menyemarakkan majlis, Timbalan Setiausaha Tetap (Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan), KEPI, Awang Haji Muhammad Yusree bin Haji Junaidi.

Manakala, Majlis Perundingan Kampung Kiudang membawakan Dikir Khairuman, sementara Ahli Jawatankuasa dan Kumpulan Belia Masjid An-Na'im, Kampung Panchor Mengkubau membawakan Dikir Bisyahrin. Selanjutnya, Dikir Al-Hamdu dan Badat dipersembahkan oleh Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).

Sementara itu, bagi jemaah perempuan, majlis diadakan di ruang berasingan di Surau Istana Nurul Iman. Hadir pada majlis berkenaan ialah Pemangku Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Datin Seri Paduka Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab, selaku ketua rombongan bagi kementerian berkenaan.

Juga hadir, Setiausaha Tetap (Ekonomi dan Perdagangan), KEPI, Dr. Dayang Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Ariffin; Setiausaha Tetap (Penyelaras Dasar-Dasar Ekonomi), KEPI, Datin Hajah Hasnah binti Haji Ibrahim dan Timbalan Setiausaha Tetap (Perdagangan Antarabangsa), KEPI, Dayangku Mazlizah binti Pengiran Haji Mahalee.

Majlis bagi jemaah perempuan turut dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah, diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah, Sayyidul Istighfar dan ayat-ayat suci Al-Quran.

Tazkirah dengan tajuk yang sama telah disampaikan oleh Dayang Siti Juhaidah binti Haji Bujang, sebelum diteruskan dengan alunan Dikir Assalamualaika dan Asyrakal daripada Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri.

Muslimah yang mewakili Masjid Omar 'Ali Saifuddien seterusnya membawakan alunan Dikir Khairuman, diikuti Muslimah Masjid dan Kumpulan Belia Masjid Paduka Seri Begawan Sultan Omar 'Ali Saifuddien, Kampung Katimahar yang mempersembahkan Dikir Bisyahrin. Acara keagamaan berkenaan kemudiannya diakhiri dengan persembahan Dikir Al-Hamdu dan Badat yang dibawakan oleh KUPU SB.

Pelaksanaan acara seumpama ini mencerminkan usaha berterusan dalam menyemarakkan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, di samping memperkukuh kecintaan umat Islam terhadap Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam serta menghayati sunnah dan ajaran Baginda sebagai panduan dalam kehidupan.

PELITA BRUNEI

# Fitrah Membasuh al-Barajim




***(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)***

**DALAM** syari'at Islam, terdapat beberapa perkara yang diistilahkan sebagai fitrah yang sunat diikuti. Fitrah yang biasa diketahui umum antaranya ialah memotong kuku, memendekkan misai, bersiwak dan mencukur bulu ari-ari. Namun terdapat satu fitrah yang kurang diketahui masyarakat umum dan kurang difahami maksud dan cara pelaksanaannya iaitu membasuh *al-barajim*. Sedangkan bahagian *al-barajim* merupakan bahagian yang mudah menjadi kotor terutama bagi orang-orang yang berkerja di bengkel kereta, mengecat bangunan dan seumpamanya.

Para ulama bersepakat mengatakan bahawa hukum membasuh *al-barajim* adalah sunat. Tuntutan membasuhnya merupakan salah satu perkara fitrah berdasarkan hadits daripada 'A'isyah *Radhiallahu 'anha*, bahawa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda :

**Maksudnya** : *Sepuluh perkara daripada fitrah ialah : Memendekkan misai, menyimpan janggut, bersiwak, memasukkan air ke hidung, memotong kuku, membasuh al-barajim, mencabut bulu ketiak, mencukur bulu ari-ari dan beristinja' dengan air.*

(Hadits riwayat Muslim)

Dalam hadits di atas, hanya disebut sembilan sahaja daripada sepuluh perkara fitrah yang dinyatakan oleh Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* kerana Mus'ab bin Syaibah *Rahimahullah* yang meriwayatkan hadits ini telah terlupa fitrah yang ke-10 itu. Namun menurut sangkaan Mus'ab bin Syaibah *Rahimahullah*, berkemungkinan fitrah yang ke-10 itu ialah berkumur-kumur. Hal ini diceritakan oleh Zakariyya bin Abi Za'idah *Rahimahullah*, iaitu perawi yang meriwayatkan hadits ini daripada Mus'ab bin Syaibah *Rahimahullah*.

Menurut Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitabnya al-Minhaj Fi Syarh Shahih Muslim, fitrah tidak terbatas kepada 10 perkara yang disebut dalam hadits di atas kerana terdapat beberapa lagi perkara fitrah selain yang disebut dalam hadits berkenaan seperti berkhatan, mandi sunat Jumaat, membuat belahan pada rambut dan lain-lain.

Menurut Imam al-Khaththabi *Rahimahullah*, maksud fitrah dalam hadits ini menurut kebanyakan ulama ialah sunnah para anbiya' *Shalawatullahu wa salamuhu 'alaihim*. Orang pertama yang diperintahkan dengan sunnah-sunnah ini ialah Nabi Ibrahim *'Alaihissalam*. Imam al-Khaththabi *Rahimahullah* berkata dalam kitabnya Ma'alim as-Sunan :

**Ertinya** : *Kebanyakan para ulama mentafsirkan perkataan fitrah dalam hadits ini sebagai sunnah. Dan takwilnya (bagi tafsiran ini) ialah bahawa perkara-perkara (fitrah) ini adalah sebahagian daripada sunnah para anbiya' yang diperintahkan ke atas kita untuk mengikuti mereka, berdasarkan firman (Allah) Ta'ala (yang tafsirnya) : Maka ikutlah (wahai Nabi Muhammad) petunjuk mereka itu (nabi-nabi yang telah dikurniakan hidayat oleh Allah) (Surah al-An'am : 90). Dan orang pertama yang diperintahkan dengannya (fitrah ini) ialah (Nabi) Ibrahim Shalawatullah 'alaihi (wasallam). Perkara ini berdasarkan firman (Allah) Ta'ala (yang tafsirnya) : Dan (ingatlah) ketika (Nabi) Ibrahim diuji Tuhannya dengan kalimah-kalimah (suruhan dan larangan) maka Nabi Ibrahim telah menyempurnakannya.* (Surah al-Baqarah : 124).

Menurut Imam al-Qurthubi *Rahimahullah* dalam kitabnya al-Mufhim Li Ma Asykala Min Talkhish Kitab Muslim, kesemua perkara yang disebut sebagai fitrah dalam hadits tersebut merupakan perkara-perkara yang dianjurkan bagi tujuan memelihara penampilan dan menjaga kebersihan, sesuai dengan kesempurnaan asal kejadian manusia. Jika fitrah ini diabaikan, ia akan menjejaskan rupa dan penampilan diri seseorang sehingga orang lain merasa kurang selesa dan menghindarinya. Atas sebab ini, perkara-perkara tersebut dinamakan sebagai fitrah.

Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* dalam hadits di atas menyebut bahawa salah satu fitrah itu ialah membasuh *al-barajim*. Apakah yang dimaksudkan dengan *al-barajim* itu?

Dari segi bahasa, *al-barajim* pada asalnya ialah sendi pada bahagian belakang tengah jari-jari. Bahagian ini adalah bahagian belakang jari yang menonjol ketika seseorang menggenggam tangannya. Ia adalah sendi tengah belakang jari yang mempunyai kulit yang berkedut atau berlipat-lipat dan berada di antara *ar-rawajib* dan *al-asyaji'*. *Ar-rawajib* ialah sendi di bahagian belakang jari yang paling dekat dengan hujung jari. Manakala *al-asyaji'* pula ialah sendi di bahagian belakang jari yang paling dekat dengan belakang tapak tangan.

Walau bagaimanapun, menurut Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitabnya al-Majmu', fitrah membasuh *al-barajim* yang dimaksudkan dalam hadits ialah membasuh semua sendi atau lipatan-lipatan pada ruas-ruas jari. Ini bermaksud, *al-barajim* yang dimaksudkan dalam hadits adalah merangkumi kesemua bahagian *al-barajim*, *ar-rawajib* dan *al-asyaji'* kerana kesemua bahagian lipatan kulit tersebut merupakan tempat berkumpul kotoran.

Bahkan menurut ulama, termasuk juga dalam maksud *al-barajim* itu ialah mana-mana bahagian tubuh yang berkumpul padanya kotoran disebabkan peluh, debu dan sebagainya.

Imam an-Nawawi *Rahimahullah* berkata dalam kitabnya al-Minhaj Fi Syarh Shahih Muslim :

**Ertinya** : *Menurut para ulama, termasuk juga dalam maksud al-barajim itu segala kotoran yang berkumpul di lipatan-lipatan telinga, iaitu (termasuk) bahagian dalam lubang telinga, maka hendaklah dibersihkannya (kotoran itu) dengan menyapunya (dengan air) kerana berkemungkinan kotoran yang banyak itu akan menjejaskan pendengaran. Begitu juga (kotoran) yang berkumpul di dalam hidung, dan demikian juga semua kotoran yang berkumpul pada mana-mana bahagian tubuh akibat peluh, debu dan seumpamanya.*

Menurut Imam al-Qurthubi *Rahimahullah* dalam kitabnya al-Mufhim Li Ma Asykala Min Talkhish Kitab Muslim, bahagian *al-barajim* ini merupakan antara kawasan yang mudah menjadi tempat berkumpul kotoran jika tidak dibersihkan secara kerap. *Al-barajim* mudah menjadi kotor kerana lipatan-lipatan pada bahagian tersebut dapat menahan atau memerangkap minyak, debu dan lain-lain kotoran yang terkumpul di situ. Maka dengan membasuhnya, kebersihannya akan terpelihara. Membasuh *al-barajim* juga salah satu langkah berhati-hati (*ihtiyath*) dalam mengerjakan ibadah yang mensyaratkan taharah seperti sembahyang.

Membasuh *al-barajim* merupakan suatu tuntutan sunat yang tersendiri dan tidak termasuk dalam sunat-sunat wudhu'. Imam an-Nawawi *Rahimahullah* berkata dalam kitabnya al-Minhaj Fi Syarh Shahih Muslim :

**Ertinya** : *Adapun membasuh al-barajim, maka ia adalah suatu tuntutan sunat yang tersendiri, ia bukan dikhususkan dengan wudhu'.*

Menurut Imam Ibn Daqiq al-'Id *Rahimahullah*, bagi melaksanakan tuntutan sunat membasuh *al-barajim*, hendaklah ia dilakukan dengan cara membasuh bahagian *al-barajim* dengan air sehingga menjadi bersih. Oleh yang demikian, tidak tertunai tuntutan sunat membasuh *al-barajim* sekadar membasahkannya dengan air. Begitu juga tidak memadai membasuhnya dengan menggunakan selain air.

Membasuh *al-barajim* boleh dilakukan pada bila-bila masa tanpa menunggu sehingga *al-barajim* menjadi kotor sebagaimana yang jelas dari anjuran membasuhnya secara mutlak. Ini bererti, *al-barajim* sunat dibasuh sama ada ketika berwudhu', ketika mandi atau bagi tujuan menjaga kebersihannya seperti selepas makan, selepas bersukan, selepas membuat kerja rumah atau pada bila-bila masa sekalipun.

Sunat mendahulukan anggota yang kanan ketika membasuh *al-barajim* serta semua bahagian tubuh yang termasuk dalam maksud *al-barajim* yang disebut di atas. Imam ar-Ramli *Rahimahullah* menyebut perkara ini ketika membincangkan tentang perkara-perkara yang sunat dilakukan oleh setiap orang Islam. Beliau berkata dalam kitabnya Nihayah al-Muhtaj :

**Ertinya** : *Dan sunat seseorang membasuh al-barajim, lipatan-lipatan telinga, lubangnya (telinga) serta bahagian dalam hidung dengan mendahulukan yang kanan pada kesemuanya.*

Dari huraian di atas, adalah jelas bahawa Islam sangat menekankan dan mementingkan kebersihan dan keelokan penampilan seseorang. Hal ini terbukti dengan pensyariatan membasuh *al-barajim* kerana sekalipun kotoran yang ada pada *al-barajim* itu hanya sedikit dan ia dapat dihilangkan semasa membasuh tangan ketika berwudhu', membasuhnya secara kerap di luar waktu berwudhu' tetap disunatkan kerana ia merupakan salah satu fitrah.

# Al-Quran penawar jiwa, raga




**PERUBATAN** Islam merupakan satu usaha dalam merawat penyakit yang berasaskan wahyu Allah Subhanahu Wata'ala yang dipetik dari sumber utama iaitu Al-Quran dan As-Sunnah yang juga diamalkan oleh junjung besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Kaedah perubatan Islam atau mudah dikenali dengan perubatan tradisional juga satu jalan bagi seorang pesakit dalam mencari kesembuhan penyakit serta permasalahan emosi atau rohani yang sedang dihidapi. Allah Subhanahu Wata'ala memerintah setiap hamba-Nya berusaha mencari penawar bagi setiap penyakit yang dihidapi sama ada zahir mahupun batin. Usaha tersebut merupakan satu ibadah bagi seorang muslim yang mencari keredaan Allah Subhanahu Wata'ala. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Israa' terjemahan makna ayat 82 :

*"Dan Kami turunkan daripada Al-Quran suatu penawar (bagi penyakit rohani dan jasmani) dan rahmat bagi orang-orang yang beriman, dan Al-Quran itu tidaklah menambah kepada orang-orang yang zalim (orang-orang kafir) selain kerugian".*

Ayat-ayat Al-Quran boleh digunakan untuk menangani penyakit mental yang berkaitan dengan hati, jiwa dan roh seperti kejahilan, kesesatan dan sebagainya. Kesejahteraan fizikal berkait rapat dengan kesejahteraan hati.

Dalam Surah Fushshilat terjemahan makna ayat 44, Allah Subhanahu Wata'ala berfirman :

*"Katakanlah (wahai Nabi Muhammad) : "Al-Quran itu menjadi petunjuk serta penawar bagi orang-orang yang beriman, dan ada pun orang-orang yang tidak beriman, (Al-Quran itu) menjadi penyumbat telinga mereka dan juga merupakan gelap yang mengaburi (pandangan) mereka. Mereka itu (seumpama) orang-orang yang diseru dari tempat yang jauh".*

Ayat-ayat Al-Quran itu sebagai penawar. Ianya tiada terhad kepada ayat-ayat mahupun surah tertentu sahaja, malah keseluruhan Al-Quran itu adalah ubat atau penawar. Al-Quran itu 'Kalamullah' (kata-kata Allah) dan Dia yang Maha Berkuasa ke atas semua. Dengan rahmat dan kuasa-Nya juga boleh menyembuhkan segala pelbagai penyakit. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ash-Syu'ara terjemahan makna ayat 78-80 :

*"Tuhan yang menciptakan aku maka Dialah yang mengurniakan hidayat kepadaku. Dan Dialah yang memberi aku makan dan minum. Dan jika aku sakit maka Dialah yang menyembuhkan aku".*

Tiada kesembuhan semata-mata dan juga tiada 'afiat dan kesihatan melainkan yang datang daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Yunus terjemahan makna ayat 107 :

*"Dan jika Allah menimpakan engkau dengan sesuatu kemudaratan maka tidak ada sesiapa pun yang akan dapat menghapuskannya melainkan Dia, dan jika Dia menghendaki sesuatu kebaikan bagimu, maka tidak akan sesiapa pun yang dapat menolak limpah kurnia-Nya. Dia melimpahkan kurnia-Nya itu kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dari kalangan hamba-hamba-Nya. Dan adalah Dia Maha Pengampun lagi Maha Pengasih".*

Setiap penyakit tu pasti ada ubatnya. Allah Subhanahu Wata'ala menjadikan penyakit dan juga penawarnya. Setiap sesuatu yang terjadi pada manusia tu mempunyai sebab-sebab yang tertentu yang dikaitrapatkan dengan perbuatan atau tingkah laku seseorang. Allah Subhanahu Wata'ala memerintahkan rasul-Nya, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam agar memberitahu kepada sesiapa yang bertanyakan mengenai roh, bahawa roh itu adalah urusan Allah Subhanahu Wata'ala. Setiap sesuatu yang menimpa manusia termasuk penyakit dan permasalahan mempunyai sebab musabab. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Israa' terjemahan makna ayat 85 :

*"Dan mereka bertanya kepadamu (wahai Nabi Muhammad) tentang (hakikat) roh. Katakanlah : "Roh itu adalah daripada urusan Tuhanku dan kamu tidak dikurniakan ilmu pengetahuan melainkan hanya sedikit sahaja".*

Ada satu kisah di mana berdoa dan zikir itu juga sebagai penyembuh penyakit. Kisah itu mengenai Nabi Ayub Alaihissalam yang mendapat ujian daripada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sakit yang amat menderita. Amat luar biasa penyakitnya sehingga sampai tahap kemuncak penderitaan, lalu Nabi Ayub Alaihissalam bermunajat, merendah diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Anbiyaa' terjemahan makna ayat 83 :

*"Dan (ingatlah kisah) Nabi Ayub ketika dia berdoa kepada Tuhannya : "(Ya Tuhanku)! Sesungguhnya aku ditimpa penyakit dan Engkau adalah Maha Pengasih daripada sekalian yang pengasih".*

Lalu dengan itu Allah Subhanahu Wata'ala berfirman lagi dengan ayat seterusnya :

*"Maka Kami perkenankan doanya lalu Kami hapuskan penyakit yang menimpanya, serta Kami kurniakan kembali kepadanya sejumlah keluarganya seperti sebelumnya dan bahkan Kami lipat gandakan bilangan mereka sebagai suatu rahmat dari sisi Kami dan peringatan bagi orang-orang yang sentiasa beribadat kepada Kami".*

Maka dari ayat tersebut seseorang yang sakit mahupun sihat digalakkan untuk memperbanyakkan doa serta zikir kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan memohon secara bermunajat dan keyakinan bahawa Allah Subhanahu Wata'ala mengabulkan doanya dengan kesembuhan.

Kesimpulannya Kalamullah iaitu Al-Quran adalah penyembuh paling sempurna bagi semua penyakit jiwa, tubuh badan dan meliputi segala penyakit. Bukan sahaja sekadar penyembuh malahan juga sebagai pelindung atau pemelihara diri sendiri. Al-Quran sebagai wahyu Allah tidak sekali-kali akan lapuk dan binasa kerana kedudukannya yang agung dan suci serta mulia di sisi-Nya.

# KEMENTERIAN PENDIDIKAN SEMARAK SAMBUTAN MAULIDUR RASUL



**YANG Mulia Timbalan Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Dikir sempena Maulud Nabi yang diadakan di Masjid STKRJ Kampung Lambak Kiri (kiri) manakala gambar bawah kanan, suasana sekitar majlis tersebut.**

**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**KAMPUNG LAMBAK KIRI**, Selasa, 18 Ogos. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan; Jabatan Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan serta Pusat Kerjasama Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (STEP) mengadakan Majlis Dikir sempena Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bertempat di Masjid Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ), Kampung Lambak Kiri, lewat petang tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi majlis tersebut ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Majlis didahului dengan penyerahan sumbangan wakaf dari pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis kepada Imam Tingkat III, Masjid STKRJ Kampung Lambak Kiri, Awang Muhammad Wafiuddin bin Muhammad Wajeeh, diikuti dengan menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

Majlis diteruskan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang diketuai oleh tetamu kehormat majlis sebagai permulaan bacaan Dikir Syarafil Anam. Selepas menunaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah, majlis diteruskan dengan bacaan Dikir Marhaban dan diakhiri dengan Doa Penutup Majlis Dikir yang diketuai oleh Imam Masjid STKRJ Kampung Lambak Kiri.

Majlis ini merupakan salah satu aktiviti tahunan Kementerian Pendidikan untuk memeriahkan lagi suasana Sambutan Maulidur Rasul dengan berselawat dan memuji ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi menunjukkan rasa kasih sayang dan kesyukuran atas jasa-jasa Baginda.

Di samping itu, majlis ini juga bertujuan untuk sama-sama menyemarakkan lagi sambutan hari-hari kebesaran Islam di samping dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim di antara pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan dengan jemaah masjid.

Turut menghadiri majlis tersebut, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Naib-naib Canselor, Rektor, Timbalan Setiausaha Tetap, Ketua-ketua Jabatan, Pegawai-pegawai dan Kakitangan Kementerian Pendidikan serta Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid STKRJ, Kampung Lambak Kiri.



# JPM teruskan Majlis Dikir di Masjid Kampung Penanjong



**SETIAUSAHA Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Jabatan Perdana Menteri hadir selaku tetamu khas semasa Majlis Dikir yang diadakan di Masjid Kampung Penanjong (atas). Manakala gambar bawah, antara yang hadir pada majlis tersebut.**



**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**TUTONG**, Isnin, 17 Ogos. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya meneruskan lagi Majlis Dikir Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di Masjid Kampung Penanjong, hari ini.

Hadir selaku tetamu khas majlis ialah Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), JPM, Awang Ajman bin Haji Meludin. Majlis dimulakan dengan penyerahan sumbangan wakaf oleh tetamu khas majlis.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah. Seterusnya majlis diikuti bacaan wirid, doa dan Surah Al-Fatihah.

Majlis Dikir Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam kemudiannya disusuli dengan Dikir Assalamualaika dan Dikir Syarafil Anam daripada kumpulan dikir masjid berkenaan.

Selesai menunaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah, Dikir Marhaban dipersembahkan, disusuli dengan bacaan doa selepas Dikir serta Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam sebagai penutup majlis.

Majlis pada tahun ini dianjurkan bersama oleh Pejabat Wawasan Brunei, JPM selaku Pengerusi Majlis dengan dikendalikan bersama oleh Biro Mencegah Rasuah dan Jabatan Kehakiman Negara.

## HALUAN

>> Muka 2

Bahasa Melayu telah sekian lama dipelajari iaitu sejak di alam persekolahan. Seharusnya kita tidak perlu ragu dan kurang yakin untuk meletakkan kedudukan bahasa Melayu ini sebagai bahasa ilmu dan bahasa persuratan. Meskipun menghadapi pelbagai cabaran global yang semakin berkembang dan saya percaya setiap orang di dunia ini semestinya tidak menolak akan kehadiran budaya elektronik atau budaya digital dalam menyebarluaskan ilmu termasuk pemasaran strategik di arena antarabangsa. Namun demikian, kepekaan dan kesedaran individu sebagai pengguna perlu ada dalam menyikapi kemajuan yang dibawa oleh era digital ini. Ini kerana, sama ada kita menyedari atau tidak berlakunya kerencaman bahasa Melayu seperti munculnya pengaruh penggunaan bahasa rojak, bahasa tidak baku dan penggunaan tatabahasa yang tidak betul lebih dominan digunakan. Lebih daripada itu bahasa yang kasar, tidak tepat dan tidak sopan juga boleh mencetuskan ketaksaan salah pengertian dan konflik. Bahasa dan kata-kata membawa pengaruh yang mendalam. Bahasa yang digunakan bukan sahaja membentuk dan mendedahkan identiti dan pemikiran si penutur, malah pemilihan kata yang dibuat turut memberi impak psikologi serta emosi kepada yang mendengarnya.

Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab yang tidak boleh diabaikan bagi semua pihak untuk memupuk penggunaan bahasa Melayu yang betul dan beradab sedari awal lagi dengan menyaring, membezakan dan menyikapi bahasa Melayu itu sendiri dengan cara yang baik, meskipun media sosial atau platform digital merupakan medium peribadi atau hak individu, tetapi pengguna hendaklah bijak menggunakan medium ini sebagai wahana beretika bagi menyampaikan mesej dalam memastikan maruah bangsa terpelihara.

Selain itu, kelemahan individu tertentu dalam menyikapi atau kurang berusaha menguasai bahasa Melayu standard, termasuk kekeliruan dalam membezakan penggunaan bahasa Melayu harian dengan bahasa Melayu standard dalam rangka meningkatkan kemampuan menggunakan bahasa Melayu yang betul, sedikit sebanyak juga telah menjadikan kemahiran menulis atau bertutur secara formal semakin menurun. Walhal, inilah merupakan perkara penting dalam mengangkat martabat bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu tinggi.

Oleh itu, saya sekali lagi menekankan bahawa cara yang paling efektif terhadap keberkesanan penggunaan bahasa Melayu itu ialah, dari diri individu itu sendiri, iaitu menggunakan dan berusaha menimbulkan rasa hormat terhadap bahasa Melayu, dengan menjadikan bahasa ini sebagai bahasa ilmu, dinikmati dan dikembangluaskan sebagai satu bahasa yang menjadi perpaduan, disegani, malahan dipelajari. Sebagai bahasa rasmi NBD yang termaktub dalam perlembagaan kita perlu meletakkan bahasa Melayu pada kedudukan utama dalam kehidupan, sekali gus mendukung hasrat kerajaan untuk memartabatkan, memelihara dan mendaulatkan bahasa Melayu agar ia terus kekal sebagai identiti dan jiwa bangsa serta teras kedaulatan negara.

Akhir kalam, sekalung tahniah dan ucapan terima kasih saya tujukan kepada seluruh warga kerja DBP atas kesungguhan, keiltizaman dan komitmen berterusan yang tidak pernah kendur dalam memperjuangkan kedaulatan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara, termasuk ucapan terima kasih kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatan di bawahnya, jabatan-jabatan kerajaan, rakan-rakan korporat dan pihak-pihak lain yang telah sama-sama terlibat bagi menjayakan Sambutan Bulan Bahasa 2026 ini.

Semoga usaha murni, tenaga dan amal bakti yang dicurahkan diberikan ganjaran dan imbalan pahala daripada Allah Subhanahu Wata'ala, serta semoga Sambutan Bulan Bahasa pada tahun ini akan menjadi landasan bagi menyuntik semangat kolektif kepada semua pihak dalam berganding bahu memelihara, memperkaya dan mengangkat martabat bahasa Melayu sebagai warisan bangsa yang tidak ternilai harganya.

Akhirnya sebelum lafaz perasmi, saya nukilkan serangkap pantun.

*Kuih Melayu bernama Biraksa,*
*Untuk dimakan di dalam taman,*
*Bahasa Melayu kita perkasa,*
*Martabat bangsa sepanjang zaman.*

Sekian. *Wabillahit Taufeq Walhidayah*, *Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*. Dengan kalimah *Bismillahir Rahmanir Rahim*, selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam saya sukacita melancarkan Sambutan Bulan Bahasa 2026 dan 65 Tahun Penubuhan DBP, kegiatan-kegiatan di bawahnya serta buku-buku terbaharu terbitan DBP.

PELITA BRUNEI

# UBD MENGALU-ALUKAN 1,097 PELAJAR BAHARU SESI AKADEMIK 2026/2027





NAIB Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) hadir pada majlis mengalu-alukan 1,097 pelajar baharu ke UBD (atas), manakala gambar kiri, sebahagian pelajar yang hadir pada majlis tersebut.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 17 Ogos. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) mengalu-alukan seramai 1,097 pelajar baharu bagi sesi akademik 2026/2027 yang terdiri daripada 787 pelajar Ijazah Sarjana Muda, 169 pelajar Ijazah Sarjana, 53 pelajar Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dan 88 pelajar UniBridge.

Majlis berkenaan berlangsung semasa sesi ucapan khas Naib Canselor bagi UniSTART Pelajar Baharu Sesi Akademik 2026/2027 yang diadakan pagi tadi bertempat di Dewan Canselor, UBD.

Majlis dimulakan dengan ketibaan Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle, diikuti dengan nyanyian Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam serta bacaan Surah Al-Fatihah dan ayat-ayat suci Al-Quran.

Dalam ucapan khas berkenaan, Dr. Hazri mengalu-alukan kehadiran para pelajar baharu ke UBD dan menggalakkan mereka memanfaatkan kehidupan di universiti sebagai satu tempoh untuk menimba ilmu, berkembang serta membentuk peribadi dan jati diri.

Beliau turut menggesa para pelajar agar sentiasa berusaha mencapai kecemerlangan, menjunjung nilai-nilai UBD serta memanfaatkan sepenuhnya segala peluang yang disediakan sepanjang tempoh pengajian mereka.

Dr. Hazri juga menyeru para pelajar supaya membiarkan ilmu menerangi kehidupan, membentuk sahsiah diri dan menjadikan khidmat kepada masyarakat sebagai tujuan dalam menimba ilmu, dan mengakhiri ucapan dengan seruan UBD, 'Mendepan Bersama' (Futuring Together).

Sebagai permulaan perjalanan mereka sebagai warga komuniti UBD, UniSTART 2026 merupakan program pembangunan dan orientasi selama lima hari yang dikhususkan bagi pelajar baharu.

Sebelum ini dikenali sebagai Freshers Week, UniSTART memperkenalkan pendekatan baharu bagi minggu pertama kehidupan di universiti dengan memberikan penekanan terhadap penerokaan diri, rasa kebersamaan dan tujuan.

Sepanjang program berkenaan, para pelajar akan meneroka nilai dan kekuatan diri, membina hubungan yang bermakna, meningkatkan daya tahan diri, mengenal pasti tujuan hidup serta memahami peranan mereka sebagai bakal graduan UBD.

Program berkenaan disusun secara berperingkat, bermula dengan tema 'Who Am I?' dan 'What Can I Do?', seterusnya 'Who Will I Become?', sebelum diteruskan dengan PAMOR Leadership Track dan diakhiri dengan PAMOR Spiritual and Community.

Antara ciri utama UniSTART 2026 ialah pengenalan empat buah Rumah UBD pada hari pertama, iaitu Bentara, Panglima, Satria dan Adiwira. Inisiatif berkenaan bertujuan memberikan para pelajar rasa kebersamaan dan semangat kekitaan yang lebih kukuh ketika memulakan perjalanan mereka di universiti.

Program UniSTART 2026 turut melengkapi kurikulum prasiswazah GenBESTARI UBD yang mengintegrasikan pembelajaran akademik dan kokurikulum menerusi pendekatan holistik berpusatkan pelajar.

GenBESTARI bertujuan melengkapkan para pelajar dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diperlukan untuk menghadapi dunia yang sentiasa berubah, di samping terus berpaksikan identiti dan nilai-nilai Negara Brunei Darussalam (NBD).

Selesai ucapan khas Naib Canselor, acara diteruskan dengan Majlis Ikrar Pelajar Baharu yang melambangkan komitmen para pelajar untuk menjunjung nilai-nilai UBD serta melaksanakan tanggungjawab sebagai warga komuniti UBD.

Majlis kemudiannya diakhiri dengan Doa Selamat.

UniSTART 2026 menjadi titik permulaan baharu bagi kumpulan pelajar UBD yang terbaharu, dalam mengorak langkah menempuh pengalaman universiti yang bukan sahaja memberi penekanan kepada kecemerlangan akademik, malah turut membentuk perkembangan diri, hubungan yang bermakna, sumbangan kepada masyarakat dan rasa kekitaan yang kukuh.

Kumpulan pelajar baharu berkenaan juga merupakan kumpulan pertama yang menggunakan Nexus for Architecture, Data and Intelligence (NADI), iaitu platform digital bersepadu UBD.

Dikuasakan oleh Kecerdasan Buatan (AI) dan Machine Learning, NADI yang baru dilancarkan berkenaan mengintegrasikan sistem akademik, pentadbiran dan operasi ke dalam satu ekosistem digital yang bersepadu.

# Meningkatkan kesedaran kepentingan penyusuan susu ibu



Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Azmah Haji Ahad

**KAUNSELOR Laktasi, Milking at Ease, Dayang Nabilah binti Haji Taif ketika menyampaikan ucapan.**

**BELAIT**, Selasa, 18 Ogos. - Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia merupakan aktiviti tahunan yang disambut pada setiap bulan Ogos bagi meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan penyusuan susu ibu serta isu-isu berkaitan dengannya.

Pada tahun ini, tema bagi Sambutan Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia ialah 'Penyusuan Susu Ibu Demi Permulaan Kehidupan Yang Mampan : Memperkukuh Amalan Yang Berkesan' (Breastfeeding for a Sustainable Start in Life : Strengthen What Works). Tema ini memfokuskan kepada usaha memperkasakan amalan penyusuan susu ibu secara eksklusif dan berterusan demi kesejahteraan generasi masa hadapan. Antara objektif sambutan tersebut adalah untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan penyusuan susu ibu dan menggalakkan penyusuan susu ibu secara eksklusif sehingga enam bulan.

Seterusnya, memperkukuhkan sokongan keluarga, tempat kerja dan komuniti terhadap amalan penyusuan susu ibu dan meningkatkan pengetahuan serta kemahiran kakitangan kesihatan dalam pengurusan penyusuan susu ibu.

Hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia bagi Daerah Belait yang diadakan di Dewan Kuliah, Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait, di sini, ialah isteri Pemangku Pegawai Daerah Belait, Dayang Hajah Yuria Abyana binti Haji Ahmad. Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Ketua Guru Ugama, Awang Haji Md. Ali Omar.

Pegawai Jururawat Ketua Bahagian Obstetrik dan Ginekologi Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait, Dayang Roziah binti Haji Mohammad Alli dalam ucapan alu-aluannya antara lain menjelaskan dalam memastikan amalan penyusuan susu ibu dapat diteruskan dengan baik, kita menyedari bahawa perjalanan setiap ibu adalah berbeza.

Jelasnya, ada ibu yang melalui pengalaman yang mudah, manakala ada juga yang menghadapi pelbagai cabaran, khususnya pada peringkat awal selepas bersalin. Oleh itu, sokongan yang berterusan amat penting.

"Sokongan tersebut bukan sahaja datang daripada petugas kesihatan, tetapi juga daripada suami, ahli keluarga, majikan, rakan sekerja, komuniti dan masyarakat. Khususnya, peranan seorang bapa tidak boleh dipandang ringan," ujar beliau lagi. Seorang bapa katanya, boleh memberikan sokongan emosi, membantu urusan harian di rumah, memberi galakan kepada isteri dan membantu mewujudkan suasana yang positif supaya ibu lebih yakin untuk meneruskan penyusuan susu ibu.

Acara diteruskan dengan Ceramah Sempena Program Penyusuan Susu Ibu, yang disampaikan oleh dua penceramah jemputan iaitu Pegawai Perubatan Pusat Promosi Kesihatan, Dr. Dayang Faezah binti Dato Haji Mohd. Amin dan Kaunselor Laktasi, Milking at Ease, Dayang Nabilah binti Haji Taif.

Aktiviti lain seperti mini pameran, kuiz kesihatan serta kaunter konsultasi laktasi serta demonstrasi mengenai teknik dan posisi penyusuan susu ibu yang betul. Mini Pameran tersebut diadakan di Lobi Blok Perempuan dan Kanak-kanak, Aras Bawah, Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait.

Orang ramai dialu-alukan hadir bagi memeriahkan aktiviti-aktiviti ini yang akan diadakan mulai pukul 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari. Turut hadir, isteri Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, Dayang Hajah Jamaiyah binti Haji Abd. Hamid serta pegawai dan kakitangan Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait.

# Penjara 14 bulan akibat rasuah




Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 18 Ogos. - Ketua Pegawai Imigresen Kanan di Bahagian Permit Masuk, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK), Mohammad Shukran bin Haji Jaidin, telah disabitkan bersalah selepas perbicaraan pada 8 Jun 2026 oleh Mahkamah Majistret atas dua pertuduhan kerana secara rasuah mencuba mendapatkan suapan berjumlah BND1,500 pada 17 Mac 2020 dan sekali lagi pada 22 April 2020 untuk dirinya dan Pegawai Imigresen Kanan, Duraman bin Haji Japar daripada seorang penduduk tetap bagi meluluskan permohonan Permit Masuk untuk isteri penduduk tetap tersebut.

Pertuduhan telah dikemukakan di bawah bab 6(a) dari Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 131 Undang-Undang Brunei, yang memperuntukkan hukuman denda sebanyak BND30,000 dan penjara selama 7 tahun.

Pada 15 Ogos 2026, Defendan Mohammad Shukran telah dijatuhkan hukuman penjara selama 14 bulan bagi setiap dua pertuduhan tersebut. Hukuman diperintahkan untuk berjalan secara serentak dengan serta-merta.

Yang Arif Majistret Harnita Zelda Skinner telah menjatuhkan hukuman penjara ke atas defendan memandangkan tahap keseriusan kesalahan yang dilakukan dan bahawa defendan telah menyalahgunakan kepercayaan dan juga mengeksploitasi kedudukannya sebagai Ketua Pegawai Imigresen Kanan untuk meminta wang sebagai balasan bagi melaksanakan tugasnya.

Defendan telah berulang kali memberikan tekanan kepada penduduk tetap tersebut untuk berunding dan membayar BND1,500 bagi meluluskan dan melanjutkan Permit Masuk.

Kesalahan rasuah yang dilakukan oleh pegawai perkhidmatan awam menjejaskan integriti perkhidmatan awam, terutamanya memandangkan Defendan ialah seorang pegawai kanan yang mempunyai kuasa yang besar. Pendakwaan dikendalikan oleh Pegawai Pendakwa daripada Pejabat Peguam Negara Shamshuddin bin Kamaluddin, manakala defendan telah diwakili oleh Peguam Bela Zamri bin Haji Taha.

# MAJLIS PENGHARGAAN JAYAKAN PROJEK SECOND CHANCE

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman






**KETUA Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Jabatan Perdana Menteri, Dr. Awang Norfarizal bin Othman hadir di majlis berkenaan (kanan). Sementara gambar kiri, Ketua Pengarah JPA semasa menyempurnakan penyampaian sijil.**

**RIMBA**, Selasa, 18 Ogos. - Majlis Penyampaian dan Penghargaan bagi Projek Second Chance telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Dr. Awang Norfarizal bin Othman bertempat di Dewan Ittisal, Institut Perkhidmatan Awam (IPA), Rimba, Gadong.

Juga hadir sama ialah Pengarah IPA, Dr. Hajah Noor Maya binti Haji Md. Salleh, bersama pegawai-pegawai dari IPA, wakil-wakil daripada sektor swasta selaku penaja dan rakan kerjasama serta tetamu jemputan yang telah menyumbang kepada kejayaan Projek Second Chance.

Terdahulu majlis dimulakan dengan bacaan Doa Selamat yang dipimpin oleh salah seorang peserta Program Eksekutif Muda (YEP), Ampuan Muhammad Fu'ad bin Ampuan Babba.

Seterusnya, ucapan penghargaan daripada Ketua Projek Second Chance, Awang Abdul Hafiz bin Haji Ramli, yang mengetengahkan bahawa Projek Second Chance merupakan sebuah projek kemasyarakatan di bawah Program Eksekutif Muda Kohort Ke-11, yang memberikan perhatian terhadap kepentingan kesihatan mental khususnya dalam kalangan pejuang kanser dan penjaga pesakit kanser.

Projek ini diungkayahkan oleh lima orang ahli kumpulan yang mana mereka percaya bahawa setiap insan berhak untuk didengari, diberikan sokongan dan diberi peluang kedua untuk meneruskan kehidupan dengan penuh harapan dan keyakinan, dan ia selaras dengan moto 'Second Chance Where the Voice Begins'.

Beberapa inisiatif telah dilaksanakan dalam projek ini termasuk penerbitan beberapa episod *podcast* yang dijayakan bersama New Wave Studio, yang mana kumpulan tersebut menjemput beberapa tetamu khas yang telah bebas daripada penyakit kanser dan penjaga-penjaga pesakit untuk mengongsikan pengalaman mereka dan cara mereka mengendalikan emosi ketika sedang menjalani rawatan.

Di dalam *podcast* tersebut, kumpulan tersebut juga menjemput Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Awang Ahmad Muzhafar bin Haji Marsidi, dalam episod bertajuk 'Hikmah dalam Ujian' dan Psikologi Klinikal di Pusat Promosi Kesihatan, Dayang Nor Syahmun binti Haji Matassan, dalam episod bertajuk 'Bangkit Bersama : Sokongan menjadi Kekuatan'.

Selain daripada siri *podcast* tersebut, Pasukan Second Chance juga telah menjalin kerjasama dengan Counselling with Mena, iaitu seorang kaunselor bertauliah yang pakar dalam bidang kesedihan dan trauma, bagi menyediakan sokongan emosi tambahan serta bimbingan profesional sepanjang pelaksanaan inisiatif projek ini.

Antara langkah usaha lain yang telah dilaksanakan adalah dengan memuat naik beberapa klip video pendek di media sosial rasmi Second Chance, serta aktiviti kempen kesedaran dalam menjaga kesihatan mental bagi pesakit kanser dan penjaga-penjaga pesakit di Bandarku Ceria yang ditaja oleh Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), SEHAT Water IBIC Sdn. Bhd., D'Sunlit Sdn. Bhd., Memorings Brunei dan AIA Brunei.

Setiap perkongsian membawa perspektif yang tersendiri, namun semuanya menyampaikan satu mesej yang sama bahawa seseorang tidak seharusnya menghadapi perjuangan mereka secara bersendirian. Kumpulan Second Chance berharap inisiatif ini dapat membuka ruang perbualan yang lebih terbuka dan mendalam mengenai kesihatan mental.

Usaha kecil ini dapat meningkatkan kesedaran masyarakat, mengurangkan stigma dan menggalakkan masyarakat untuk menjadi lebih prihatin terhadap pejuang-pejuang kanser.

Acara kemudian disusuli dengan tayangan video klip bertajuk 'Second Chance : Returning to Work' yang ditaja oleh Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA) dan satu lagi video yang memaparkan perjalanan projek yang telah dilaksanakan.

Majlis diakhiri dengan penyampaian sijil penghargaan kepada pihak-pihak yang terlibat dalam menjayakan Projek Second Chance yang disempurnakan oleh Ketua Pengarah JPA, JPM.

# MINDA PEMBACA

## Bersatu memelihara keamanan negara

**KEAMANAN** negara merupakan anugerah yang sangat berharga kepada setiap rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam. *Kitani* patut bersyukur kerana dapat hidup dalam suasana yang aman, selamat dan harmoni. Keadaan ini membolehkan rakyat menjalani kehidupan seharian, bekerja dan belajar dengan tenang. Oleh itu, keamanan negara hendaklah dipelihara oleh semua pihak, bukan hanya kerajaan atau pasukan keselamatan.

Salah satu cara untuk memelihara keamanan negara ialah dengan mengamalkan sikap bersatu padu. Walaupun *kitani* terdiri daripada pelbagai bangsa, agama dan budaya, sikap saling menghormati, bertolak ansur dan bantu-membantu perlu sentiasa diamalkan. Selain itu, *kitani* hendaklah mematuhi undang-undang serta memberikan kerjasama kepada pihak berkuasa dalam menjaga keselamatan negara. Sikap prihatin terhadap keadaan sekeliling juga penting supaya sebarang perkara yang mencurigakan dapat dilaporkan dengan segera.

Di samping itu, masyarakat juga perlu lebih berwaspada terhadap ancaman semasa seperti penipuan melalui telefon dan *scam* yang melibatkan akaun bank. Kes-kes seperti ini boleh menyebabkan kerugian kepada mangsa serta menjejaskan rasa selamat dalam kalangan masyarakat. Oleh itu, *kitani* hendaklah tidak mudah mempercayai panggilan atau mesej yang mencurigakan, tidak memberikan maklumat peribadi kepada pihak yang tidak dikenali dan sentiasa mendapatkan pengesahan daripada pihak berkenaan.

Ibu bapa dan guru juga memainkan peranan penting dalam mendidik generasi muda supaya mempunyai semangat cintakan negara serta mengamalkan nilai-nilai Melayu Islam Beraja (MIB). Pendidikan tentang tanggungjawab, kejujuran dan sikap berhati-hati perlu diterapkan sejak kecil.

Kesimpulannya, keamanan negara merupakan tanggungjawab *kitani* bersama. Jika semua pihak saling bekerjasama, menghormati antara satu sama lain dan sentiasa berwaspada terhadap cabaran semasa, insyaAllah Negara Brunei Darussalam akan terus aman, makmur dan sejahtera.

**Nama : Mohamad Nur Arif bin Abdullah**
**No. K/P : 01-092XXX**

## Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. **'Belia Berdaya Saing, Negara Gemilang'.** Tarikh Tutup **: 19 Ogos 2026**
2. **'Memperkasa Komuniti Melalui Perniagaan Berimpak Sosial'.** Tarikh Tutup **: 26 Ogos 2026**
3. **'Membentuk Peribadi Mulia Berpandukan Sunnah Rasulullah'.** Tarikh Tutup **: 2 September 2026**

### Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300** patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**
**Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan**
**Lapangan Terbang Lama, Berakas**
**Bandar Seri Begawan, BB3510**
**Negara Brunei Darussalam.**
**atau melalui**
**E-mel : *pelita.brunei@information.gov.bn***

**Menangi BND75 SETIAP MINGGU**

**Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang**

**JABATAN PENERBANGAN AWAM**
**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

**Bilangan Tawaran:**
TERMINAL / 2026 – 2027 / SH – 08

**Tajuk Tawaran:**
The Provision Of Six (6) Months 'Flight Information Display System' Maintenance And Support Services Contract For Terminal Building At Brunei International Airport

**Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut harga:**
Selasa, 25 Ogos 2026

**Tarikh Tutup Sebut harga:**
Rabu, 26 Ogos 2026
(tidak lewat jam 2.00 Petang)

**Yuran Tawaran:**
BND5.00
(tidak dikembalikan)

---

**JABATAN PERHUTANAN**
**KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

**Bilangan Tawaran:**
JPH / 2105 / TAW / 413 / 2026 – 2027

**Tajuk Tawaran:**
Membekal Satu (1) Unit Kereta Pacuan Empat Roda (4WD) Double Cab Vehicle Bagi Kegunaan Jabatan Perhutanan

**Borang Pendaftaran Syarikat (Jika Belum Berdaftar):**
BND10.00

**Borang Tawaran:**
BND15.00

**Yuran Tawaran:**
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa, 1 September 2026,
2.00 Petang

---

**UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI**

**Bilangan dan Tajuk Tawaran :**

**UNISSA / LTK / MMKK / GDG (2TAHUN) / 2027 – 2028 :**
Tawaran Perkhidmatan Penyediaan Dan Penyajian Makanan Dan Minuman Secara Berhidang Di Kolej Kediaman Kampus Gadong Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Bagi Tempoh Selama Dua (02) Tahun

**UNISSA / LTK / MMKK / SNT (2TAHUN) / 2027 – 2028 :**
Tawaran Perkhidmatan Penyediaan Dan Penyajian Makanan Dan Minuman Secara Tapau Di Kolej Kediaman Kampus Sinaut Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Bagi Tempoh Selama Dua (02) Tahun

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
15 September 2026,
Jam 2.00 Petang

---

**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK**
**JABATAN TENAGA**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bilangan Tawaran:**
JPE / LTK / DIS / 040 / 2026

**Tajuk:**
Technical Maintenance Of DES 11kv Switchgear Panel For A Period Of Five Years, Brunei-Muara Dstrict

**Tarikh Tutup:**
Selasa, 1 September 2026,
Jam 2.00 Petang

**Tender Fee:**
BN500.00
(Tidak Dikembalikan )

---

**JABATAN KERJA RAYA**
**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Kelas:**
V

**Kategori:**
M01
(With Successfully Completed 6 O&M Projects In Central Air Conditioning System Above BND50,000.00)

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DME / BOP-EM / 25 / 2026

**Nama Projek:**
Pembekalan Dan Pemasangan Unit Penyaman Udara Jenis 'Split-Unit' Dan 'Mudah Alih' (Portable) Sementara Bagi Majlis-Majlis Istiadat Dan Acara Rasmi Negara Brunei Darussalam Di Pelbagai Lokasi Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun (2026)

**Yuran Tawaran:**
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DME / BOP-EM / 26 / 2026

**Nama Projek:**
Kerja-Kerja Penggantian Sistem Hawa Dingin Di Pusat Kesihatan Berakas

**Yuran Tawaran:**
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

**Kelas:**
IV atau V atau VI

**Kategori:**
E01

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DME / BOP-EM / 27 / 2026

**Nama Projek:**
Kerja-Kerja Penggantian Peralatan Dobi Yang Rosak Dengan Kerja-Kerja Berkaitan Untuk Kediaman VIP Assarra, Istana Edinburgh, Istana Darul Taqwa Dan Kawasan Berkaitan

**Yuran Tawaran:**
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada :**
Selasa
26 Ogos 2026
Tidak Lewat dari Jam 3.00 Petang

**Tarikh Tutup:**
Selasa
8 September 2026
Tidak Lewat dari Jam 2.00 Petang

**Kelas :**
V Sahaja

**Kategori:**
KA01

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:**
Selasa, 25 Ogos 2026

**Tarikh Tutup:**
Selasa, 8 September 2026
Tidak Lewat dari Jam 2.00 Petang

**Bilangan Tawaran :**
JKR / DBSKB / 025 / 2026

**Nama Projek:**
Kontrak Penggal Bagi Kerja-Kerja 'ADHOC', Protokol Dan Serta Merta, Daerah Belait.

**No. Projek :**
2026ADKB / 2106 / 002 - 001 - 002

**Yuran Tawaran:**
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen :**
-

---

**JABATAN PENGAJIAN ISLAM**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

**Bil. Sebut Harga:**
KHEU / JPI / JKS / 07 / 2026 - 2027

**Keterangan:**
Mencetak, Membekal Dan Menghantar Buku Tujuh Dekad Pendidikan Ugama Islam, Di Negara Brunei Darussalam: Evolusi, Transformasi Dan Legasi Sempena 70 Tahun Pendidikan Ugama Formal Di Negara Brunei Darussalam

**Bayaran Yuran Sebut Harga:**
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup :**
Rabu, 13 Rabiulawal 1448H / 26 Ogos 2026M
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang.

---

**JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Bilangan Rujukan :**
JBBSB / SH / 2026 – 2027 / 20 / SPA / 13

**Tajuk Sebut Harga :**
To repair and supply street light at pasar gadong

**Hari, Tarikh Dan Jam Tutup :**
Khamis, 27 Ogos 2026
Jam 2.00 Petang

---

**JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bilangan Tawaran:**
RTB / 07 / 2026

**Tajuk Tawaran:**
Replacement Of Cooling Tower Tank No.1 At Radio Television Brunei Sungai Akar Broadcasting Complex

**Bayaran Yuran:**
BND10.00 (tidak dikembalikan)
(termasuk e-dokumen)

**Bilangan Tawaran:**
RTB / 08 / 2026

**Tajuk Tawaran:**
Supply And Deliver Of 3G-SDI O/E Headend Equipment For Diamond Jubilee Celebration Of His Majesty's Accession To The Throne

**Bilangan Tawaran:**
RTB / 09 / 2026

**Tajuk Tawaran:**
Supply, Delivery, Install, Testing, Commissioning & Training Of Portable IP-Broadcasting System For Diamond Jubilee Celebration Of His Majesty's Accession To The Throne

**Bayaran Yuran:**
BND50.00 (tidak dikembalikan)
(termasuk e-dokumen)

**Tarikh Tutup:**
Selasa, 1 September 2026,
Jam 2.00 Petang

**KEMENTERIAN KESIHATAN**

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 189 / 2026 / PHARM(TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND30.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 190 / 2026 / PHARM(TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND10.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 191 / 2026 / PHARM(TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND10.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 192 / 2026 / PHARM(TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND10.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 193 / 2026 / PHARM(TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND10.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 194 / 2026 / PHARM(TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years
**Yuran Tawaran:**
BND10.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 195 / 2026 / PHARM(TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND500.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 196 / 2026 / PHARM(TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND30.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 197 / 2026 / PHARM(TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND30.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 198 / 2026 / PHARM(TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND10.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 199 / 2026 / PHARM(TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND50.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 200 / 2026 / PHARM(TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND100.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 201 / 2026 / PHARM(TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND100.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 202 / 2026 / PHARM(TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND10.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 203 / 2026 / PHARM(TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND30.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 204 / 2026 / PHARM(TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND30.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 205 / 2026 / PHARM(TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND30.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 206 / 2026 / PHARM(TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND10.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 207 / 2026 / PHARM(TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND30.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 208 / 2026 / PHARM(TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND10.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 209 / 2026 / PHARM(TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND10.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 210 / 2026 / PHARM(TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND10.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 211 / 2026 / PHARM(TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND30.00

**Tarikh Tutup:**
Selasa,
1 September 2026

---

**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**Bilangan Sebut Harga:**
23 / AUG / 2026 / KKBS / PJK / 16.14

**Tajuk Sebut Harga:**
Upgrading Work To Existing Lighting At Dewan Digadong, Ministry Of Culture, Youth And Sport Building, Brunei Darussalam

**Tarikh Tutup :**
Khamis,
27 Ogos 2026

---

**PUSAT PEKERJAAN BRUNEI**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Bilangan Tawaran:**
PPB / QTN / JK / PR / 2026 / 01

**Tajuk Tawaran:**
The Provision Of Digital Media Services For Jelajah Kerjaya 2026

**Yuran Tawaran:**
BND 5.00
(Tidak dikembalikan dan dibayar melalui BIBD Online)

**Tarikh Tutup:**
Rabu, 26 Ogos 2026,
Jam 9.00 Pagi

---

**JABATAN MUZIUM-MUZIUM, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**Bilangan Sebut Harga:**
18 / JMM / S / 12 / 91 (2026 / 2027)

**Tajuk Sebut Harga:**
Tawaran Bagi Penggantian Permaidani Di Zon A, Muzium Alat Kebesaran Diraja, Jabatan Muzium-Muzium, Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Tutup:**
Selasa, 1 September 2026,
jam 2.00 Petang

---

**JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

**Tajuk Sebut Harga:**
RTB / K / 85 / 26 – 27
Rental Of Led Screen Backdrop And Visual Graphics For TV Programme.

**Bayaran Yuran:**
BND5.00
(Tidak dikembalikan)
(Termasuk e-dokumen)

**Salinan Kertas:**
BND 5.00 (Jika perlu dan tidak dikembalikan) (Hardcopy)

**Tarikh Tutup :**
Rabu,
19 Ogos 2026,
Jam 2.00 Petang

**Tajuk Sebut Harga:**
RTB / K / 92 / 26 - 27
Supply And Delivery Of Audio Equipment For TV Studio.

**Bayaran Yuran:**
BND5.00 (Tidak dikembalikan)
(Termasuk e-dokumen)

**Salinan Kertas:**
BND 5.00 (Jika perlu dan tidak dikembalikan)
(*Hardcopy*)

**Tarikh Tutup:**
Rabu, 19 Ogos 2026
Jam 2.00 petang

**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**Bahagian Khidmat Bakti Negara [BKBN] Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Negara Brunei Darussalam**

**Kenyataan Sebut Harga**

**Bilangan Sebut Harga:**
1 / OGOS / KKBS / BKBN / 1.40 / 26

**Tajuk Sebut Harga:**
Perkhidmatan Dobi Bagi Projek Rintis Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Enam Bulan Di Kem Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN), Batu Apoi, Temburong.

**Tarikh Tutup :**
Khamis,
20 Ogos 2026

**DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, DELIA DAN SUKAN**

**Bilangan Tawaran:**
17 / DBP / SH / 2026 - 2027

**Tajuk Tawaran:**
Pembekalan Mesin dan Peralatan Unit Pemuliharaan, Bahagian Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

**Bilangan Tawaran:**
18 / DBP / SH / 2026 - 2027

**Tajuk Tawaran:**
Peralatan Fotografi Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa, 01 September 2026,
Jam 2.00 Petang

**JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**Bil. Tawaran:**
(01-2026) JAPEM / BKA / UBBP / 6.1 / 3

**Tajuk Sebut Harga:**
Pembekalan Barangan Catuan Makanan Dan Keperluan Asas Bagi Keperluan Bencana, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) Untuk Tempoh 12 Bulan

**Tarikh Tutup:**
Khamis, 20 Ogos 2026
Jam 2.00 Petang

**JABATAN PERBENDAHARAAN KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**Bilangan dan Tajuk Tawaran :**
JPKK / JKSH2627-QTN.04 / ADM
Membekalkan Buku Kupon Hospital dan Buku Resit Kompaun Polis Bagi Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan

**Bilangan dan Tajuk Tawaran :**
JPKK / JKSH2627-QTN.05 / ADM
Membekalkan Barang Stor Gunahabis (Toner Cartridge) Bagi Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan

**Tarikh Tutup / Jam :**
Sabtu,
22 Ogos 2026
9.00 Pagi

**Tempat Menghantar Tawaran :**
Peti Sebut Harga,
Jabatan Perbendaharaan
Tingkat 2,
Tower Block
Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Commonwealth Drive,
Jalan Kebangsaan
Negara Brunei Darussalam

**JABATAN PERIKANAN KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0036 / 2026
To Supply Food Rations For The Implementation Of The Marine Resource Survey In The Waters Of Brunei Darussalam

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0037 / 2026
Replacement Of The Existing Outboard Motor, Supply And Installation Of A New Outboard Motor With Related Accessories, And Provision Of Maintenance Services For Boat Bakara BG0423, Department Of Fisheries

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0038 / 2026
Supply And Installation Of G.I Fencing And Entrance Gate For Two (2) Electricity Substation At Kampung Telisai, Tutong

**Tarikh Tutup Sebut Harga :**
Khamis
20 Ogos 2026
Jam 2.00 Petang

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**Pemberitahuan Iklan**

**Sebut Harga Bagi Rancangan Pemakanan Sekolah Dan Program Harapan 2026**

**DA / JKSH / 92 / 2026 / 2027 [SV-OGOS-2026]**

Sebut Harga Bagi Pembelian Dua (2) Unit interactive Flat Panel (Smart TV) Bagi Dewan-Dewan Persidangan Pusat Serantau SEAMEO VOCTECH

**Bayaran Yuran Sebut Harga:**
BND5.00

**Tarikh Tutup / Waktu Sebut Harga:**
Sabtu, 22 Ogos 2026,
Jam 9.00 Pagi

**KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

**Bahagian Teknologi Maklumat Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam**

**Bil. Sebut Harga:**
049 / KHEU / BTM / 2 / RFQ / 2025 (RE-QUOTATION)
Supply And Delivery Of Desktop Computers For DHCP Deployment At Schools Under The Ministry Of Religious Affairs

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
Rabu, 26 Ogos 2026
2.00 Petang

**Bahagian Teknologi Maklumat Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam**

**Bil. Sebut Harga:**
043 / KHEU / BTM / 2 / RFQ / 2026
Supply Of Turnitin Subscription Service For Lecturers And Students At Kolej University Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB), Ministry Of Religious Affairs

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
Rabu, 26 Ogos 2026
2.00 Petang

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Unit Teknologi Maklumat, Divisyen Pengurusan Korporat, Kementerian Pembangunan**

**Notis Sebut Harga**

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:**
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2026 / Q09
Invitation For Filemaker Renewal Maintenance Contract For 1 Year, For Ministry Of Development

**Bayaran Bagi Setiap E-Dokumen Sebut Harga:**
BND9.00
(tidak dikembalikan)

**Tarikh Buka:**
Isnin,
17 Ogos 2026

**Tarikh Akhir Pembelian dan Pembayaran:**
Khamis,
3 September 2026

**Tarikh Tutup:**
Isnin,
7 September 2026
Jam sebelum 9.00 Pagi

**JABATAN PENGAJIAN ISLAM, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:**
KHEU / JPI / JKS / 03 / 2026 - 2027
Membekal Dan Menghantar Buku-Buku Teks Pelajaran Umum Persekolahan Arab, Bagi Sesi Pembelajaran Tahun 2027, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Tahun 1448H-1449H / 2026M-2027M

**Bayaran Yuran Sebut Harga:**
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup :**
Rabu,
6 Rabiulawal 1448H / 26 Ogos 2026M
Tidak lewat jam 2.00 Petang

# KHEU SEMARAKKAN IHYA MAULIDUR RASUL



**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Mohammad Hasif Matzin**

**TIMBALAN Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) hadir mengetuai rombongan Dikir KHEU ke Masjid Kampung Belais.**

**TEMBURONG**, Isnin, 17 Ogos. - Rombongan Dikir Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) meneruskan lagi Ihya Maulidur Rasul bertempat di Masjid Kampung Belais, Daerah Temburong bersempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi.

Mengetuai rombongan tersebut ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), Awang Haji Shamshol bin Haji Omar. Turut hadir, pengarah-pengarah, pegawai-pegawai kanan dan kakitangan dari KHEU, Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Belais, Daerah Temburong serta jemaah masjid berkenaan.

Majlis diserikan dengan tazkirah yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Awang Muhammad Safwan bin Mohd. Suffian dan seterusnya dikir Maulud dimulakan.

Bagi memberkati majlis Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Imam Masjid Kampung Belais, Temburong, Awang Mohd. Safwan bin Zulkifli.

Majlis Dikir Maulud selama 12 malam berturut-turut di masjid-masjid seluruh negara bertujuan mengingati pengorbanan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam menyebarkan syiar Islam sekali gus menanamkan rasa kasih dan cinta terhadap Baginda.

Di samping menjadi salah satu usaha memakmurkan masjid, ia juga sebagai wadah untuk mengeratkan hubungan silaturahim antara pegawai dan kakitangan KHEU bersama jemaah masjid serta penduduk kampung sekitarnya.

Antara kelebihan bagi orang yang berselawat ke atas Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam ialah memperoleh rahmat dan pahala yang besar daripada Allah Subhanahu Wata'ala, mendapat kebaikan serta dihapuskan daripadanya dosa.

Amalan memperbanyakkan selawat juga menjadi sebab doa seseorang itu diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala, selain melepaskan diri daripada keresahan dan kesusahan pada Hari Kiamat. Rombongan Dikir Maulud KHEU seterusnya akan berkunjung ke Masjid Kampung Danau, Daerah Tutong pada Selasa, 18 Ogos 2026.

# Menggalakkan pembudayaan dikir Brunei dalam kalangan Muslimah



**ISTERI Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Dikir Syarafil Anam sempena Maulidur Rasul bagi Kelas Bimbingan Muslimah Daerah Tutong yang diadakan di Masjid Rancangan Perumahan Negara Bukit Beruang (atas). Manakala gambar bawah, sekitar majlis tersebut.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**TUTONG,** Isnin, 17 Ogos. - Bagi memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam melalui bacaan Selawat dan puji-pujian ke atas Baginda, di samping menyemarakkan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta mengembangkan syiar Islam di negara ini, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Hal Ehwal Muslimah dan Pejabat Hal Ehwal Masjid Daerah Tutong, dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa (AJK) Takmir Masjid Rancangan Perumahan Negara Bukit Beruang, Daerah Tutong, telah mengadakan Majlis Dikir Syarafil Anam sempena Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Kelas Bimbingan Muslimah Daerah Tutong.

Majlis berkenaan telah diadakan di masjid berkenaan, pagi tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, isteri Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Norazimah binti Haji Ramlee.

Turut hadir, pegawai dan kakitangan dari JHEM dan Pejabat Hal Ehwal Masjid Daerah Tutong, Muslimah masjid-masjid Daerah Tutong serta AJK Takmir Muslimah Masjid.

Antara objektif utama majlis berkenaan diadakan adalah untuk menzahirkan rasa kecintaan terhadap Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam melalui amalan Selawat dan zikir, menggalakkan pembudayaan dikir Brunei dalam kalangan Muslimah serta mengeratkan silaturahim antara peserta Kelas Bimbingan Muslimah dengan AJK Takmir Muslimah Masjid.

Diharapkan agar penganjuran majlis seumpama berkenaan akan terus menyemarakkan kecintaan terhadap Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, di samping menarik minat para Muslimah untuk mendalami, menghayati dan mengamalkan dikir-dikir Brunei yang merupakan salah satu warisan kebudayaan keagamaan masyarakat Brunei yang telah diwarisi secara turun-temurun.



# Program Literasi Penerangan labuh tirai

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Azmah Haji Ahad**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 17 Ogos. - Program Literasi Penerangan (PLP) bagi belia Daerah Belait menutup tirainya petang tadi di Dewan Auditorium, Jabatan Penerangan dengan Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil.

Majlis Penyampaian Sijil telah disempurnakan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Siti Bismi Nuruliman binti Awang Haji Emzah.

Program kali ini disertai oleh 52 peserta daripada belia Daerah Belait yang terdiri daripada atlet-atlet belia Daerah Belait, ahli-ahli persatuan, pelajar-pelajar Pusat Tingkatan Enam (PTE) Belait, Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) Kampus Jefri Bolkiah, Politeknik Brunei Kampus Lumut, belia-belia akar umbi dan belia-belia masjid.

Atur cara program hari kedua dimulakan dengan taklimat bertajuk 'Peranan dan Tanggungjawab Rakyat Negara Brunei Darussalam' disampaikan oleh Pemangku Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait, Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahhuddin.

Sementara itu, taklimat pengenalan mengenai Program Pemulihan di Pusat Al-Islah disampaikan oleh salah seorang pegawai Pusat Al-Islah, Biro Kawalan Narkotik.

Manakala pada sebelah petang pula, para peserta mendengarkan taklimat mengenai 'Menambat Dastar dan Menapih Sinjang' yang dikendalikan oleh Jabatan Adat Istiadat Negara (JAIN).

Selain mendengarkan taklimat, para peserta juga berpeluang mempelajari dan menyertai aktiviti menambat dastar dan menapih sinjang dengan bimbingan para pegawai dari JAIN.

PLP merupakan salah satu inisiatif Jabatan Penerangan menggunakan pendekatan Whole of Nation dan Whole of Government yang antara lain dihasratkan untuk melahirkan para belia berwawasan, mempunyai jati diri yang kukuh serta memiliki nilai luhur cintakan agama, bangsa dan negara yang tinggi serta memupuk rasa tanggungjawab ke arah memastikan Wawasan Brunei 2035 tercapai dengan jayanya.



**PEMANGKU Pengarah Penerangan ketika menyampaikan sijil penyertaan kepada salah seorang peserta semasa Majlis Penutup Program Literasi Penerangan bagi belia Daerah Belait.**

# DEDIKASI, PENGORBANAN MASA, DISIPLIN TINGGI KUNCI RAIH KEJAYAAN

Berita dan Foto : Ak. Mohamad Zaki Pg. Haji Kasharan

**BERAKAS,** Isnin, 17 Ogos. - Menjulang segulung ijazah bukanlah semudah yang dibayangkan, sebaliknya ia memerlukan dedikasi, pengorbanan masa dan disiplin yang tinggi bagi mencapai kejayaan yang diidam-idamkan.

Demikian juga yang dirasakan oleh hampir kesemua graduan yang diraikan pada Majlis Hafl Al-Takharruj Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Ke-16 tahun 2026 yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), pagi tadi.

Semasa ditemui Pelita Brunei, salah seorang graduan Doktor Falsafah Sains Halal (Pengurusan Halal), Dayang Siti Nazerah binti A. Hanni @ Zalanni antara lain menzahirkan rasa syukur yang tidak terhingga kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana dikurniakan rezeki untuk menamatkan pengajian Doktor Falsafah dalam bidang Sains Halal di UNISSA.

Berkongsi mengenai cabaran semasa melanjutkan pengajiannya di UNISSA, beliau menjelaskan bahawa dirinya juga pernah berdepan dengan beban kerja yang terlalu banyak dalam masa yang terhad yang membuatkannya berasa begitu tertekan sehingga menitiskan air mata akibat tertekan dengan hal berkenaan ditambah lagi dengan tarikh penyerahan tesis yang semakin hampir, dan beliau berasa seolah-olah tidak mampu menyiapkannya tepat pada waktunya.

"Dalam saat yang sukar itu, saya menangis di hadapan ibu bapa saya. Mereka memberikan sokongan yang tidak ternilai, penuh kasih sayang dan dorongan. Begitu juga dengan adik-beradik saya yang sentiasa memberi kata-kata semangat setelah mengetahui apa yang saya lalui.



DAYANG Siti Nazerah binti A. Hanni / Zalanni.

"Pengalaman ini juga membuatkan saya benar-benar memahami betapa besar nilai sebuah keluarga, dan saya berasa sangat bersyukur kerana memiliki mereka di sisi ketika melalui saat paling sukar dalam hidup saya," katanya lagi.

Dayang Siti Nazerah pada kesempatan yang sama turut mengambil peluang untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kedua-dua ibu bapanya, Awang Haji A. Hanni @ Zalanni bin Haji Abd. Hamid dan Pengiran Hajah Mastura binti Pengiran Haji Mohd. Yassin, yang sentiasa mendoakan, memberikan semangat dan sokongan tanpa henti.

Seterusnya, beliau turut mengucapkan terima kasih kepada penyelia utama dan pensyarahnya, Pengiran Dr. Hajah Norkhairiah binti Pengiran Haji Hashim, atas segala nasihat, tunjuk ajar, buah fikiran, serta dorongan yang berterusan.



DAYANGKU Aniisah Khoirunnisaa' binti Pengiran Haji Kamaluddin.

Tidak dilupakan tambahnya lagi, adik-beradik, sahabat-sahabat, dan semua yang membantunya dalam menyiapkan penulisan tesis sehingga mencapai kejayaan pada hari ini dan seterusnya mendoakan semoga segala bantuan mereka menjadi amal jariah yang berpanjangan dan mendapat ganjaran daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Sementara itu bagi seorang lagi graduan Sains Pertanian (Secara Penyelidikan) di Fakulti Pertanian, UNISSA, Dayangku Aniisah Khoirunnisaa' binti Pengiran Haji Kamaluddin semasa ditemu bual turut menzahirkan rasa kesyukuran yang cukup mendalam atas kejayaan yang diperolehinya pada hari ini.

Beliau mengongsikan bahawa penglibatan keluarganya memainkan peranan yang cukup penting dalam meraih kejayaan pada hari ini dan sudah semestinya tidak dapat disangkalkan lagi.

"Antara pengalaman paling manis sepanjang pengajian ialah penglibatan ibu bapa dan adik-adik saya secara langsung dalam perjalanan penyelidikan saya. Sebahagian daripada penyelidikan saya dijalankan di rumah hijau di UNISSA, Kampus Sinaut memerlukan saya melakukan pemantauan dan penjagaan tanaman setiap hari dari bulan Februari hingga Mei 2025.

"Pada hujung minggu, ibu bapa saya sering menemani saya ke kampus untuk menyiram dan memantau tanaman, malah adik-adik saya juga pernah turut serta. Mereka juga pernah membantu saya dalam beberapa kegiatan penyelidikan seperti penyediaan tanah untuk kajian penanaman dan mengikuti sendiri perkembangan tanaman kangkung dan padi yang saya kaji.

"Dengan cara ini, mereka bukan sahaja menyokong saya dari jauh, tetapi turut melihat dan mempelajari sendiri sebahagian daripada proses penyelidikan yang saya jalankan," ujarnya lagi.

Dayangku Aniisah Khoirunnisaa' seterusnya mengongsikan pengalaman berkenaan menjadi antara memori manis yang sentiasa dikenang kerana penglibatan mereka merupakan satu bentuk sokongan dan penghargaan terhadap usaha serta cabaran yang dilaluinya sepanjang penyelidikan. Tambahan lagi ketika mengenang kembali detik-detik manis dirinya meniti perjalanan dalam menyelesaikan pengajiannya di UNISSA.

Apabila menyentuh mengenai perancangannya setelah menamatkan pengajiannya di UNISSA, Dayangku Aniisah Khoirunnisaa' menjelaskan bahawa dirinya telah merancang untuk melibatkan diri secara lebih dekat dengan sektor pertanian bagi mendapatkan pendedahan dan pengalaman dalam situasi sebenar serta memahami realiti dan keperluan sektor pertanian.

Seterusnya, beliau merancang untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Sains Pertanian dan berharap pengalaman yang diperoleh daripada lapangan dapat membantu dirinya menentukan dan membentuk hala tuju penyelidikan yang bukan sahaja mempunyai nilai akademik, tetapi juga relevan dengan keperluan sebenar sektor pertanian.

Manakala bagi Dayang Mashitah Amirah binti Awang Mohamad pula yang merupakan graduan Sarjana Muda Syariah (Fiqh dan Kehakiman), UNISSA ketika ditemui antara lain merakamkan setinggi - tinggi penghargaan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerajaan baginda atas segala peluang, sokongan dan kemudahan pendidikan yang diberikan kepada dirinya.

Beliau turut menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada UNISSA yang telah menjadi sebuah wadah dalam menimba ilmu dan membentuk sahsiah, di samping memperkenalkan dirinya kepada para ilmuwan daripada pelbagai latar belakang yang banyak membantu menyumbang kepada pembinaan Khayra Ummah berlandaskan ilmu, nilai-nilai agama dan Maqasid Syariah.

Pada masa yang sama, Dayang Mashitah Amirah turut memberikan kata-kata semangat dan nasihat kepada mereka yang masih menuntut dan melanjutkan pengajian mereka ketika ini agar dapat meneruskan usaha mereka dalam mencari dan menimba ilmu walaupun perjalanan berkenaan tidak selalunya mudah.

"Ilmu Allah itu sangat luas, jadi selagi diberikan peluang, teruskanlah meneroka dan mendalaminya. Jangan jadikan teman seperjuangan sebagai saingan dalam menimba ilmu, sebaliknya jadikanlah mereka sebagai rakan untuk saling berkongsi, membantu dan sama-sama berkembang dalam perjalanan menuntut ilmu.

"Menimba ilmu bukanlah untuk menjadikan kita hebat, tetapi untuk menyingkap kejahilan dalam diri, memperbaiki kekurangan dan mendekatkan kita kepada kebenaran," ujarnya lagi.



DAYANG Mashitah Amirah binti Awang Mohamad.

## Alai Pintar

**SOALAN 179**

### SOALAN 19 OGOS 2026, RABU

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan.

1. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mempunyai berapa orang puteri?
   a) 5 orang puteri
   b) 3 orang puteri
   c) 7 orang puteri
2. Siapakah bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam?
   a) Al-Marhumah Suri Seri Begawan Raja Isteri Pengiran Anak Damit
   b) Pengiran Anak Besar
   c) Raja Isteri Pengiran Anak Saleha
3. Pada usia berapakah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menaiki takhta?
   a) 18 tahun
   b) 21 tahun
   c) 30 tahun

**TARIKH TUTUP : 28 OGOS 2026**

### SYARAT PERADUAN

1. Jika Alai Berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
2. Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
   - Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam
   - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait
   - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan
   - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong
3. Alai juga boleh menggambar borang jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian +673 7293554 atau e-mel ke pelita.brunei@information.gov.bn
4. Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama : ..............................
Tarikh Lahir : ..............................
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : ..............................
Sekolah : ..............................
Tahun : ..............................
Alamat : ..............................
..............................
Nombor Telefon (mudah dihubungi) : ..............................

**JAWAPAN SOALAN 178 :** S1 A S2 A S3 B

### HADIAH PEMENANG

3X BAUCER BND 40 BAGI ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT

*UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA LEBIH DARI 3 ORANG PEMENANG

### PEMENANG ALAI PINTAR :

Nama : **Muhammad Ammar Thaqif bin Abdul Hanis**
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : **0152892-01**. Sekolah : **Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah**

Nama : **Muhammad Danial Shahrizan bin Muhammad Shahnur Farhan**
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : **0125683-01**. Sekolah : **Seri Mulia Sarjana School Jangsak**

Nama : **Nur Fatimah Farzana binti Asriyani**
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : **0100143-02**. Sekolah : **Sekolah Rendah Sengkurong**

# PENGAMBILAN HECAS KINI DIBUKAKAN

**Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 17 Ogos. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pengajian Tinggi sukacita ingin memaklumkan bahawa pengambilan melalui HECAS bagi Kemasukan bulan Januari 2027 bagi Sesi Akademik 2026 / 2027 secara dalam talian bagi kemasukan ke Institusi-institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) iaitu Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Politeknik Brunei (PB) akan bermula pada Selasa, 18 Ogos 2026, pukul 9.00 pagi dan akan ditutup pada Rabu, 9 September 2026, pukul 3.00 petang.

Untuk keterangan lanjut, sila layari laman sesawang Kementerian Pendidikan di *www.moe.gov.bn* atau laman sesawang HECAS di *hecas.moe.gov.bn*.

Bagi sebarang pertanyaan, pemohon boleh berhubung terus dengan Pentadbiran HECAS melalui e-mel *ask.hecas@moe.gov.bn* atau melalui nombor telefon +673 2381992 / +673 2381224 pada waktu pejabat.

# 36 agensi pelancongan dibenarkan mengendalikan pakej umrah

**Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 17 Ogos. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Urusan Haji (JUH) sukacita memaklumkan bahawa pada masa ini sebanyak 36 buah agensi pelancongan telah diberikan kebenaran untuk mengendalikan perkhidmatan pakej umrah menggunakan Visa Pelancong Arab Saudi bagi 2026 Masihi.

Agensi-agensi pelancongan berkenaan ialah Darussalam Services Sdn. Bhd. (DSSB); Straits Central Agencies (B) Sdn. Bhd. (SCA); Continental Yachting Sdn. Bhd.; Raudah Al-Amin Sdn. Bhd. (RAA); Titian Travel and Tours Sdn. Bhd.; At-Taqwa Travel Tours Sdn. Bhd.; Dar El-Ehsan Travel Sdn. Bhd. (DEE); Al-Hijrah Travel and Tours Sdn. Bhd. (AHTTSB); Balurih Travel Sdn. Bhd.; As-Safa Travel and Tours Sdn. Bhd.; Al-Abraj Travel and Tours Sdn. Bhd.; Al-Hajat Tours and Travels Agency Sdn. Bhd.; Al-Hambra Travel and Tours Sdn. Bhd.; Al-Haramain Bil Iman Travel and Tours Sdn. Bhd.; Al Kheira Travel and Tours Sdn. Bhd.; Al-Miqat Travel and Tours Sdn. Bhd.; Al-Qobul Travel and Tours Sdn. Bhd.; An-Nur Al-Khayr Travel and Tours Sdn. Bhd.; AZ Back To Nature Travel and Tours Sdn. Bhd.; Az-Zain Travel and Tours Sdn. Bhd.; Darul Rahman Travel Sdn. Bhd.; El-Abqari Travel and Tours Sdn. Bhd.; Firdaus Al-Munawwarah Travel Services Sdn. Bhd.; Ghufran Travel and Tours Sdn. Bhd.; Hafiz Bru Travel and Tours Sdn. Bhd.; Hayya Travel and Tours Sdn. Bhd.; Humaira Travel Centre (Borneo) Sdn. Bhd.; Humzaik Travel and Tours Sdn. Bhd.; Hurriyah Travel Services Sdn. Bhd.; Ikhlas Global Tours Sdn. Bhd.; Lamisa International Tours and Travels Sdn. Bhd.; Maduli Agency Travel Sdn. Bhd.; PGGMB Travel Service Sdn. Bhd.; Simply Umrah (B) Travel and Tours Sdn. Bhd.; Al-Khaif Travel and Tours Sdn. Bhd.; dan Al-Mateen Travel and Tours Sdn. Bhd.

Sehubungan itu, orang ramai yang berhasrat untuk menunaikan ibadat umrah adalah dinasihatkan supaya membuat semakan terlebih dahulu sebelum memilih mana-mana agensi pelancongan bagi mengendalikan pakej umrah. Ini adalah bagi mengelakkan orang ramai daripada berurusan dengan agensi pelancongan yang tidak diberikan kebenaran untuk mengendalikan perkhidmatan pakej umrah.

Orang ramai bolehlah merujuk kepada JUH, KHEU bagi mendapatkan pengesahan mengenai agensi-agensi pelancongan yang telah diberikan kebenaran serta mendapatkan maklumat lanjut berkaitan perkara berkenaan.

Seterusnya JUH, KHEU ingin mengingatkan agensi-agensi pelancongan yang tidak mempunyai kebenaran mengendalikan perkhidmatan pakej umrah adalah tidak dibenarkan sama sekali untuk mengendalikan perkhidmatan pakej umrah termasuk membuat sebarang iklan dan tawaran mengenainya.

Maklumat mengenai senarai terkini agensi-agensi pelancongan yang dibenarkan untuk mengendalikan perkhidmatan pakej haji dan pakej umrah (Visa Umrah dan Visa Pelancong Arab Saudi) bolehlah disemak melalui laman sesawang rasmi KHEU *www.mora.gov.bn* atau Instagram *KHEU.BRUNEI* atau menghubungi JUH melalui talian +673 2384478 atau e-mel *juh.kheu@mora.gov.bn* bagi mendapatkan maklumat lanjut.



AGENSI-AGENSI PENGENDALI PERKHIDMATAN PAKEJ HAJI DAN PAKEJ UMRAH MENGIKUT KATEGORI PAKEJ DAN VISA

JABATAN URUSAN HAJI
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

| BIL | NAMA SYARIKAT | TEMPOH KEBENARAN | PAKEJ HAJI | PAKEJ UMRAH [ VISA UMRAH ] | PAKEJ UMRAH [ VISA PELANCONG ARAB SAUDI ] |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | DARUSSALAM SERVICES SDN. BHD. | 3 TAHUN [ 1446 HIJRAH HINGGA 1448 HIJRAH ] | ✓ | ✓ | ✓ |
| 2 | STRAITS CENTRAL AGENCIES (B) SDN. BHD. | | ✓ | ✓ | ✓ |
| 3 | CONTINENTAL YACHTING SDN. BHD. | | ✓ | ✓ | ✓ |
| 4 | RAUDAH AL-AMIN SDN. BHD. | | ✓ | ✓ | ✓ |
| 5 | TITIAN TRAVEL & TOURS SDN. BHD. | | ✓ | ✓ | ✓ |
| 6 | AT-TAQWA TRAVEL TOURS SDN. BHD. | | ✓ | ✓ | ✓ |
| 7 | DAR EL EHSAN TRAVEL SDN. BHD. | | ✓ | ✓ | ✓ |
| 8 | AL-HIJRAH TRAVEL & TOURS SDN. BHD. | | ✓ | ✓ | ✓ |
| 9 | BALURIH TRAVEL SDN. BHD. | | ✓ | ✓ | ✓ |
| 10 | AS-SAFA TRAVEL & TOURS SDN. BHD. | | ✓ | ✓ | ✓ |
| 11 | AL ABRAJ TRAVEL & TOURS SDN. BHD. | 1 TAHUN [ 2026 MASIHI ] | ✗ | ✗ | ✓ |
| 12 | AL-HAJAT TOURS & TRAVELS AGENCY SDN. BHD. | | ✗ | ✗ | ✓ |
| 13 | AL-HAMBRA TRAVEL & TOURS SDN. BHD. | | ✗ | ✗ | ✓ |
| 14 | AL-HARAMAIN BIL IMAN TRAVEL & TOURS SDN. BHD. | | ✗ | ✗ | ✓ |
| 15 | AL KHEIRA TRAVEL & TOURS SDN. BHD. | | ✗ | ✗ | ✓ |
| 16 | AL-MIQAT TRAVEL & TOURS SDN. BHD. | | ✗ | ✗ | ✓ |
| 17 | AL-QOBUL TRAVEL & TOURS SDN. BHD. | | ✗ | ✗ | ✓ |
| 18 | AN-NUR AL-KHAYR TRAVEL & TOURS SDN. BHD. | | ✗ | ✗ | ✓ |
| 19 | AZ BACK TO NATURE TRAVEL SDN. BHD. | | ✗ | ✗ | ✓ |
| 20 | AZ-ZAIN TRAVEL & TOURS SDN. BHD. | | ✗ | ✗ | ✓ |
| 21 | DARUL RAHMAN TRAVEL SDN. BHD. | | ✗ | ✗ | ✓ |
| 22 | EL-ABQARI TRAVEL & TOURS SDN. BHD. | | ✗ | ✗ | ✓ |
| 23 | FIRDAUS AL-MUNAWWARAH TRAVEL SERVICES SDN. BHD. | | ✗ | ✗ | ✓ |
| 24 | GHUFRAN TRAVEL & TOURS SDN. BHD. | | ✗ | ✗ | ✓ |
| 25 | HAFIZ BRU TRAVEL & TOURS SDN. BHD. | | ✗ | ✗ | ✓ |
| 26 | HAYYA TRAVEL & TOURS SDN. BHD. | | ✗ | ✗ | ✓ |
| 27 | HUMAIRA TRAVEL CENTRE (BORNEO) SDN. BHD. | | ✗ | ✗ | ✓ |
| 28 | HUMZAIK TRAVEL & TOURS SDN. BHD. | | ✗ | ✗ | ✓ |
| 29 | HURRIYAH TRAVEL SERVICES SDN. BHD. | | ✗ | ✗ | ✓ |
| 30 | IKHLAS GLOBAL TOURS SDN. BHD. | | ✗ | ✗ | ✓ |
| 31 | LAMISA INTERNATIONAL TOURS & TRAVELS SDN. BHD. | | ✗ | ✗ | ✓ |
| 32 | MADULI AGENCY TRAVEL SDN. BHD. | | ✗ | ✗ | ✓ |
| 33 | PGGMB TRAVEL SERVICE SDN. BHD. | | ✗ | ✗ | ✓ |
| 34 | SIMPLY UMRAH (B) TRAVEL & TOURS SDN. BHD. | | ✗ | ✗ | ✓ |
| 35 | AL-KHAIF TRAVEL & TOURS SDN. BHD. | | ✗ | ✗ | ✓ |
| 36 | AL-MATEEN TRAVEL & TOURS SDN. BHD. | | ✗ | ✗ | ✓ |

( Dikemaskini pada 2 Rabiulawal 1448H bersamaan 15 Ogos 2026M )







Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

# Kek Lapis 3 Rasa

## Kampung Beribi

**BAHAN-BAHAN LAPISAN UBI :**

500g ubi kayu (dikisar atau diparut, kemudian di perah dan dibuang airnya)
150g gula Melaka
100ml santan
2 helai daun pandan
70g gula pasir (ikut cita rasa)
20g tepung tapioka / ubi
1/4 teh garam

**CARA PENYEDIAAN :**

Masak gula Melaka bersama santan dan daun pandan sehingga gula larut. Sejukkan sedikit. Setelah itu, campurkan ubi kayu, larutan gula Melaka, gula pasir, tepung ubi dan garam dan digaul sehingga rata.

Sediakan loyang berukuran 10 x 10 atau 9 x 9, 5 inci yang telah dilapis dengan plastik. Tuangkan adunan ke dalam loyang dan ratakan permukaannya. Kemudian, kukus selama 30 minit ataupun sehingga masak.

**BAHAN - BAHAN LAPISAN PANDAN :**

20ml jus pandan (5 - 6 helai daun pandan dikisar bersama 200ml santan cair, kemudian ditapis)
300ml santan pekat
110g tepung beras
50g tepung tapioka / ubi
170g gula pasir (ikut cita rasa)
1/4 sudu teh garam
Pes pandan secukupnya
Tambah pewarna coklat sedikit untuk menyerlahkan warna hijau pandan tersebut apabila dikukus.

**CARA PENYEDIAAN :**

Satukan semua bahan dan gaul hingga sebati. Kemudian masak di atas api kecil sambil dikacau sehingga adunan sedikit pekat. Tuang adunan pandan di atas lapisan ubi yang telah masak lalu kukus selama 30 minit atau sehingga masak.

**BAHAN - BAHAN LAPISAN SANTAN :**

650ml santan
110g tepung beras
50g tepung tapioka / ubi
80g gula putih (ikut cita rasa)
3/4 sudu teh garam

**CARA PENYEDIAAN :**

Campur kesemua bahan, kacau hingga sebati. Kemudian masak di atas api kecil sambil dikacau sehingga adunan sedikit pekat. Tuang adunan santan di atas lapisan pandan dan kukus selama 30 minit atau sehingga masak. Sejukkan terlebih dahulu sebelum dipotong atau dikeluarkan dari loyang.




# UBD perkasa transformasi digital, inovasi dan pendidikan berteraskan teknologi

**Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland dengan kerjasama Universiti Brunei Darussalam**
**Foto : Jabatan Penerangan, Ihsan Universiti Brunei Darussalam**

UNIVERSITI Brunei Darussalam (UBD) terus memperkukuh peranannya sebagai institusi pendidikan tinggi yang responsif terhadap perkembangan teknologi dan keperluan semasa melalui penghasilan graduan yang mempunyai kepakaran dalam bidang Kecerdasan Buatan (AI), robotik, teknologi digital serta keselamatan dan kesihatan pekerja.

Perkara tersebut jelas terserlah pada Majlis Konvokesyen UBD Ke-38 yang menyaksikan lahirnya kohort pertama graduan Ijazah Sarjana Muda Sains Digital dalam Kecerdasan Buatan dan Robotik. Program pengajian selama tiga tahun itu memberikan pendedahan secara multidisiplin kepada para pelajar dalam bidang elektronik, mekanikal, pengkomputeran serta pengkomputeran fizikal untuk sistem pintar dan Internet of Things (IoT).

Program berkenaan yang ditawarkan oleh Sekolah Sains Digital (SDS) direka bagi melahirkan generasi ahli teknologi masa depan yang berkebolehan membangunkan sistem pintar sejajar dengan perkembangan dunia digital. Kurikulumnya menggabungkan asas kukuh dalam sains komputer, AI, pembelajaran mesin, robotik, sistem terbenam (*embedded system*) dan teknologi berasaskan data, di samping memberikan penekanan terhadap pengalaman amali.

Melalui pendekatan pembelajaran berasaskan projek dan penyelidikan, para pelajar meneroka pelbagai bidang termasuk pengaturcaraan, reka bentuk sistem pintar dan pembangunan penyelesaian terhadap cabaran dunia sebenar. Antara bidang yang diterokai termasuk navigasi autonomi, interaksi manusia dengan robot serta analisis data pintar.

Pengalaman tersebut turut memberikan ruang kepada para graduan untuk mengaplikasikan ilmu yang dipelajari bagi menangani isu sebenar. Salah seorang wakil daripada kohort program berkenaan, Sairul Behanam berkongsi bahawa tempoh pengajiannya di SDS merupakan perjalanan yang penuh dengan pembelajaran, penerokaan dan perkembangan diri.

"Saya berpeluang meneroka pelbagai bidang teknologi, bermula daripada robotik dan realiti terimbuh (*augmented reality*) sehinggalah kepada pembelajaran mesin, kecerdasan buatan (AI), dan model bahasa berskala besar. Pengalaman-pengalaman ini membolehkan saya memahami secara berperingkat bagaimana ilmu yang dipelajari di dalam kelas dapat diaplikasikan untuk menyelesaikan masalah dunia sebenar," ujarnya.

Projek tahun akhir beliau turut memberikan pengalaman bermakna apabila meneroka penggunaan pembelajaran mesin terselia bagi meramalkan risiko hipertensi berdasarkan data pesakit. Projek berkenaan melibatkan penggunaan data perubatan sebenar, pemprosesan data serta pemilihan dan penilaian pelbagai model pembelajaran mesin, di samping menekankan kepentingan penggunaan teknologi secara bertanggungjawab dalam bidang kesihatan.

Menurut Penolong Profesor Robotik Pintar merangkap Ketua Program di SDS, Dr. Ajaz Ahmad Bhat perkembangan AI dan robotik yang semakin mempengaruhi pelbagai industri di seluruh dunia membuka ruang kepada para graduan untuk memainkan peranan penting dalam transformasi digital dan kepelbagaian ekonomi Negara Brunei Darussalam (NBD) selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

Kepakaran dalam bidang automasi dan sistem pintar juga berpotensi menyumbang kepada pelbagai keperluan negara, termasuk meningkatkan kecekapan sektor minyak dan gas melalui penyelenggaraan ramalan dan pemeriksaan autonomi, selain menyokong bidang kesihatan menerusi diagnostik berasaskan AI dan robotik bantuan.

Lebih penting lagi, para graduan berkenan berpotensi menjadi pemangkin kepada pembentukan ekosistem inovasi baharu di NBD, termasuk pembangunan perusahaan teknologi tinggi, penyelidikan dalam bidang robotik yang bersesuaian dengan keadaan tempatan serta penghasilan penyelesaian tempatan yang dapat mengurangkan kebergantungan terhadap teknologi luar.

**Memperkasa Pembelajaran Sepanjang Hayat**

Selain melahirkan kohort pertama graduan dalam bidang AI dan robotik, UBD turut mencatatkan satu lagi pencapaian penting melalui graduasi kohort pertama program Micro-Master dalam Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

Program yang ditawarkan secara bersama oleh Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (C3L) dan Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah (PAPRSB IHS) tersebut menyokong keperluan perundangan berkaitan pengamal perubatan yang dilantik bagi tempat kerja di NBD.

Program profesional berkenaan bertujuan melengkapkan pelajar dengan pengetahuan asas dan kemahiran dalam bidang kesihatan pekerjaan serta kesihatan dan keselamatan alam sekitar termasuk kecekapan dalam melaksanakan program bagi menggalakkan persekitaran tempat kerja yang sihat dan selamat.

Pendekatan pembelajaran yang fleksibel turut membolehkan peserta mengikuti modul pembelajaran sepanjang hayat secara berperingkat mengikut kemampuan dan keperluan masing-masing sebelum melengkapkan syarat yang ditetapkan bagi menamatkan pengajian.

Bagi salah seorang daripada lima graduan program berkenaan, Wardatul Zahrah Abdul Razak pengalaman mengikuti pengajian melalui C3L memberikan pengalaman yang amat bermakna. Beliau turut menghargai sokongan para pensyarah serta ilmu yang diperoleh khususnya pengetahuan yang dapat diaplikasikan secara langsung dalam bidang kerjayanya.

Pengalaman berkolaborasi dengan Universiti Mahidol, Thailand juga menjadi antara kenangan penting sepanjang pengajiannya kerana memberikan pendedahan antarabangsa serta perspektif berbeza dalam bidang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

**Memacu transformasi digital UBD**

Dalam pada itu, UBD turut mencatatkan perkembangan penting dalam usaha memperkukuh transformasi digital institusi melalui pelancaran UBD Digital Transformation Blueprint 2030.

Rangka tindakan berkenaan menjadi kerangka institusi bagi memandu transformasi digital UBD dalam tempoh lima tahun akan datang. Transformasi tersebut meliputi cara universiti beroperasi, pengajaran, penyelidikan dan tadbir urus, dengan matlamat menyediakan pengalaman digital yang lebih lancar, bermula daripada proses kemasukan pelajar sehingga selepas mereka menamatkan pengajian.

Bagi warga UBD, penerapan sistem pintar diharapkan dapat memberikan lebih banyak ruang untuk menumpukan perhatian kepada pengajaran, penyelidikan dan khidmat kepada masyarakat. Rangka tindakan tersebut juga merupakan respons institusi terhadap Digital Brunei 2030, iaitu pelan induk lima tahun yang memacu perkembangan digital NBD melalui strategi Kerajaan Digital, Masyarakat Digital, Perniagaan Digital serta Data dan AI di bawah Wawasan Brunei 2035.

UBD Digital Transformation Blueprint 2030 distrukturkan berasaskan tiga tonggak utama, iaitu Infrastruktur; Dasar dan Pengurusan; serta Pendidikan dan Penyelidikan. Kesemua tonggak tersebut disokong melalui platform digital bersepadu universiti, Nexus for Architecture, Data and Intelligence (NADI) dan dipandu oleh platform AISEnse yang bertanggungjawab dalam pembangunan serta tadbir urus AI secara beretika.

**Teknologi Angkasa Sokong Keterjaminan Makanan**

Antara pencapaian bersejarah UBD yang turut diketengahkan ialah projek penghantaran benih ke Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS) melalui kerjasama dengan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri serta Space Faculty Pte. Ltd., Singapura.

Projek yang dikenali sebagai Spaceflight-induced Seed Mutagenesis for Brunei's Food Security and Resilience itu diterajui oleh Institut Penyelidikan Biodiversiti dan Alam Sekitar (IBER), dengan matlamat mendedahkan benih padi tempatan kepada sinaran kosmik.

Inisiatif tersebut bertujuan mencetuskan variasi genetik yang berpotensi menghasilkan varieti tanaman baharu yang mempunyai hasil lebih tinggi. Penggunaan teknologi angkasa dalam penyelidikan berkenaan juga berpotensi menyumbang kepada pengukuhan kedaulatan makanan negara serta menangani cabaran berkaitan alam sekitar dan keterjaminan makanan.

**AI demi kesejahteraan masyarakat**

Satu lagi pencapaian yang diketengahkan ialah Projek Sahabat-Care, pemenang AI Ready ASEAN Youth Challenge 2026.

Platform penjagaan demensia berasaskan AI tersebut dibangunkan oleh calon Ph.D daripada PAPRSB IHS dan SDS, iaitu Ummi Salwa Suhaimei dan Hein Minn Tun @ Salman yang mewakili NBD melalui pasukan 'ΣHAI'

Projek berkenaan menggabungkan analisis pertuturan dan bahasa, pemerhatian tingkah laku berasaskan video, AI perbualan serta analitik ramalan bagi menyokong pengesanan awal kemerosotan kognitif, di samping meningkatkan akses kepada sokongan penjagaan yang lebih bersesuaian.

Teknologi tersebut turut mempunyai keupayaan mengenal pasti kehilangan ingatan melalui analisis video serta menyediakan panduan berterusan kepada penjaga dan petugas kesihatan. Pencapaian berkenaan mencerminkan sumbangan UBD yang semakin berkembang dalam bidang AI, kesihatan awam digital dan inovasi yang berorientasikan penyelesaian terhadap cabaran masyarakat sebenar.

**Mengabadikan kenangan konvokesyen**

Sambutan sempena Majlis Konvokesyen UBD Ke-38 juga diteruskan melalui program The Next Day diadakan pada 12 Ogos di Dewan Canselor. Program berkenaan memberikan peluang kepada para graduan untuk kembali ke kampus bersama keluarga dan rakan-rakan dalam suasana yang lebih santai.

Pelbagai aktiviti, termasuk kehadiran para peniaga dan ruang bergambar disediakan bagi membolehkan para graduan mengabadikan kenangan bersama insan tersayang selepas menamatkan perjalanan akademik mereka.

Antara tarikan utama ialah Digital Thank You Message Wall yang ditempatkan di ruang legar Dewan Canselor. Inisiatif tersebut memberikan peluang kepada para graduan untuk menyampaikan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada ibu bapa, ahli keluarga, rakan-rakan, pensyarah, mentor serta mereka yang telah memberikan sokongan sepanjang perjalanan akademik.

Keseluruhan pencapaian yang diketengahkan sempena Konvokesyen UBD Ke-38 memperlihatkan bahawa pendidikan tinggi bukan sahaja berperanan dalam melahirkan graduan berilmu, malah menjadi pemangkin kepada pembangunan teknologi, penyelidikan, inovasi dan penyelesaian terhadap keperluan negara.

Daripada kecerdasan buatan dan robotik, pembelajaran sepanjang hayat, transformasi digital, teknologi angkasa hinggalah penggunaan AI dalam penjagaan kesihatan, pelbagai inisiatif tersebut mencerminkan usaha berterusan UBD dalam mempersiapkan generasi masa hadapan yang berdaya saing, inovatif dan mampu menyumbang kepada pembangunan NBD.

Seiring dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035, perkembangan tersebut juga membuka ruang yang lebih luas kepada generasi muda untuk menguasai ilmu dan kemahiran baharu, seterusnya menjadi tenaga penggerak dalam membentuk sebuah negara yang lebih maju, berdaya tahan berasaskan pengetahuan dan teknologi.



# UNISSA menyerlah di persada antarabangsa, graduan mengorak langkah

**Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim**
**Foto : Jabatan Penerangan dan Ihsan Na'il Haris Haji Muhd. Nikman**

**DETIK** melangkah ke atas pentas untuk menerima segulung ijazah sememangnya menjadi satu kenangan manis dan penuh bersejarah yang tidak mungkin dilupakan oleh para graduan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dengan berlangsungnya Majlis Hafl Al-Takharruj Ke-16 universiti berkenaan. Apatah lagi pengurniaan ijazah dan diploma kepada para graduan di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas itu telah disempurnakan oleh raja kesayangan rakyat, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor UNISSA.

**Pencapaian UNISSA**

Dalam pada itu, ke arah melahirkan graduan berpengetahuan dan berkemahiran, UNISSA tidak kendur-kendur melaksanakan pelbagai usaha dalam memperkukuh kecemerlangan akademik, penyelidikan, inovasi dan jaringan strategik hingga membuahkan hasil yang membanggakan di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Perkara itu antara yang disentuh oleh Rektor UNISSA, Profesor Madya Dr. Awang Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani dalam sembah alu-aluannya pada Majlis Hafl Al-Takharruj Ke-16 UNISSA. Profesor Madya Dr. Awang Abdul Nasir antara lain menyembahkan bahawa UNISSA telah berjaya mencatat beberapa pengiktirafan antarabangsa yang mencerminkan komitmen universiti terhadap kecemerlangan pendidikan tinggi, kelestarian, inovasi dan pembangunan masyarakat. Antaranya, katanya lagi UNISSA telah berjaya tersenarai dalam Times Higher Education Sustainability Impact Ratings 2026 dan memperbaiki kedudukannya dalam The World University Rankings for Innovation (WURI) 2026 dari kedudukan ke-201 pada tahun lalu ke tangga 147 daripada keseluruhan Top 500 Global Innovative Universities.

"UNISSA telah mencatatkan prestasi cemerlang apabila meraih tempat ke-29 dalam Kategori Industrial Application menerusi penyelidikan Agro-Technology Drone, penyelidikan E-Braille Al-Quran pula menduduki tempat ke-44, dan di tempat ke-79 dalam Representative Research Project. Dalam Kategori Transformasi Pembelajaran berasaskan Kecerdasan Buatan (AI) pula, UNISSA telah menduduki di tempat ke-82 menerusi inovasi Intelligent Maaqra'ah Online Al-Quran," ujar Profesor Madya Dr. Awang Abdul Nasir lagi.

Selain itu, katanya lagi dalam AD Scientific Index Ranking, telah menempatkan seorang tenaga akademik UNISSA dari Fakulti Undang-Undang Sultan Haji Hassanal Bolkiah di tangga ke-4 dunia dalam bidang Undang-undang dan Pengajian Perundangan. Pencapaian-pencapaian tersebut bukan sahaja membuktikan bahawa usaha pembangunan universiti sentiasa diseimbangkan dengan tanggungjawab sosial, kelestarian alam sekitar dan kesejahteraan masyarakat malah mencerminkan keupayaan penyelidik UNISSA dalam menghasilkan inovasi yang bukan sahaja mempunyai nilai akademik, bahkan memberi manfaat secara langsung kepada masyarakat.

**Kejayaan penyelidik, mahasiswa**

Seiring dengan kecemerlangan dalam bidang akademik dan penyelidikan, pencapaian universiti juga diserlahkan melalui kejayaan para penyelidik dan mahasiswa yang terus mengharumkan nama Negara Brunei Darussalam dalam pelbagai pertandingan dan platform antarabangsa. Antaranya, inovasi The Intelligent Maqra'ah yang dibangunkan oleh pelajar Doktor Falsafah Fakulti Teknologi Islam apabila berjaya meraih tempat kedua dalam AI Ready ASEAN Youth Challenge, sekali gus memperlihatkan potensi penggunaan teknologi AI dalam memperkukuh pembelajaran Al-Quran.



Dalam bidang penyelidikan dan inovasi pertanian pula, sekumpulan penyelidik bersama pelajar UNISSA berjaya meraih Pingat Platinum pada EUREKA International Brussels Invention and Innovation Contest 2026 di Belgium, di samping menerima beberapa anugerah khas daripada badan inovasi antarabangsa, iaitu the Canadian Special Award of Excellence, Korea Invention Academy Special Award dan Turkish Inventors Association Special Award.



Kesemua pencapaian ini mencerminkan keberkesanan pendekatan pendidikan UNISSA dalam melahirkan graduan yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik, malah memiliki daya fikir kritis, kreativiti, kepimpinan dan kemampuan menyumbang kepada pembangunan negara serta masyarakat sejagat.

**Atasi cabaran sepanjang pengajian**

Sementara itu, dalam pendekatan bersama salah seorang graduan Ijazah Sarjana Muda Syariah (Fiqh dan Kehakiman), Awang Haji Shahrul Ridhwan bin Haji Khalid mengongsikan antara cabaran terbesar yang dihadapi sepanjang pengajian di UNISSA ialah mengimbangi tuntutan akademik, pengurusan masa dan tanggungjawab lain yang dipikulnya. Katanya lagi, ada kalanya tugasan, pembelajaran dan komitmen lain perlu diselesaikan dalam masa yang sama dan perkara ini bukan sesuatu yang mudah untuk dilaksanakan. Untuk mengatasinya, Awang Haji Shahrul Ridhwan berusaha mengurus masa dengan lebih baik agar setiap tanggungjawab dapat dilaksanakan tanpa menjejaskan pengajian.

Pengalaman ini mengajar dia tentang pentingnya disiplin, pengurusan masa dan sikap profesional dalam melaksanakan setiap amanah yang diberikan.

Manakala penerima Sarjana Muda dalam Teknologi Media dan Komunikasi Islam, Awang Mohammed Marherman Hanaffi bin Haji Omar pula berkata cabaran utama yang dihadapinya adalah menyesuaikan diri dengan realiti pasaran kerja yang mencabar serta mengatasi rasa ragu terhadap kebolehan diri di luar persekitaran kampus. Namun, ujarnya pendedahan dalam bidang media dan teknologi memberikan dia kelebihan untuk bergerak mandiri. Dia juga memanfaatkan kepakaran visual dan kefahaman media ini untuk mengembangkan perniagaan fotografi serta videografi yang sedang diusahakannya.

Majlis Hafl Al-Takharruj seumpama ini sememangnya sebuah acara penting yang menandai kejayaan dan pencapaian para graduan setelah melalui pelbagai cabaran serta pengalaman sepanjang tempoh pengajian. Majlis yang penuh bermakna ini bukan sahaja menjadi wadah untuk meraikan kejayaan akademik para graduan, malah mencerminkan komitmen UNISSA dalam melahirkan generasi berilmu, berkemahiran dan berakhlak mulia.

BERITA GLOBAL

# ANGKA KORBAN GEMPA BUMI REPUBLIK INDONESIA MENINGKAT KEPADA 68 ORANG

**JAKARTA**, 18 Ogos. - Angka korban akibat gempa bumi berukuran 7.7 magnitud yang melanda wilayah Nusa Tenggara Timur (NTT), Republik Indonesia, meningkat kepada 68 orang, menurut Badan Nasional Pengurusan Bencana (BNPB) pada Isnin.

Timbalan BNPB bagi Pencegahan, Abdul Muhari, berkata dalam satu sidang media bahawa 26 mangsa korban direkodkan di Kabupaten Manggarai, 24 di Manggarai Timur, lapan di Nagekeo, empat di Sikka, serta masing-masing dua di Ende, Manggarai Barat dan Ngada.

Seramai 213 orang lagi dilaporkan cedera. BNPB turut memaklumkan sekurang-kurangnya 1,576 gegaran susulan telah direkodkan sejak gempa utama berlaku.

Jalan raya di kawasan terjejas secara amnya masih boleh dilalui, walaupun dengan beberapa sekatan, manakala tiada penduduk dilaporkan masih hilang di tujuh kabupaten yang terjejas.

Kementerian Kesihatan Indonesia telah menghantar dua hospital lapangan ke Manggarai dan Nagekeo, selain mengerahkan pasukan perubatan serta pengurusan krisis bagi menyokong perkhidmatan kesihatan di kawasan dilanda gempa.

Sementara itu, pemulihan bekalan elektrik di bahagian barat dan timur Pulau Flores telah mencapai 99.5 peratus, manakala perkhidmatan telekomunikasi di seluruh Flores pulih sehingga 95.4 peratus.

Tentera Republik Indonesia turut mengerahkan anggota dan peralatan bagi mempercepatkan pengagihan bantuan kepada kawasan yang sukar diakses. - ©XINHUA



**PESAKIT dan ahli keluarga mereka berehat di khemah kecemasan di luar Hospital Wilayah Komodo, Provinsi Nusa Tenggara Timur, Republik Indonesia.**

# Republik India meterai perjanjian pajakan US$203 juta bagi sistem pesawat kawalan jauh

**NEW DELHI**, 18 Ogos. - Republik India pada Isnin memaklumkan negara itu menandatangani kontrak bernilai US$203 juta dengan General Atomics Aeronautical Systems untuk memajak dua sistem pesawat kawalan jauh MQ-9B Sea Guardian berkeupayaan operasi altitud tinggi dan berdaya tahan lama bagi kegunaan Tentera Laut India selama 30 bulan, lapor Xinhua.

Menurut kenyataan Kementerian Pertahanan, dua dron MQ-9B Sea Guardian yang dilengkapi sistem canggih, sensor terkini dan muatan berteknologi tinggi akan meningkatkan keupayaan Kesedaran Domain Maritim Tentera Laut India dengan ketara.

Sistem berkenaan akan menyediakan liputan risikan, pengawasan dan tinjauan secara berterusan di kawasan maritim yang luas, sekali gus memperkukuh keupayaan Republik India untuk memantau dan bertindak balas terhadap perkembangan di seluruh rantau Lautan Hindi, menurut kementerian. - ©BERNAMA

# 7 maut dalam kebakaran hotel di West Bengal, Republik India

**NEW DELHI,** 17 Ogos. - Sekurang-kurangnya tujuh orang maut manakala beberapa yang lain cedera dalam kebakaran besar di sebuah hotel di negeri West Bengal, timur Republik India pada Isnin, menurut polis, lapor Xinhua.

Kebakaran berlaku pada awal pagi di tingkat bawah sebuah hotel empat tingkat di bandar Tarapith, daerah Birbhum, kira-kira 220 kilometer ke utara Kolkata, ibu negeri West Bengal.

"Mangsa meninggal dunia akibat sesak nafas selepas terhidu asap toksik daripada siling, gentian kaca dan bahan mudah terbakar lain yang terbakar di ruang penerimaan tetamu di tingkat bawah," kata seorang pegawai polis.

Menurut laporan, kebanyakan tetamu sedang tidur ketika kebakaran berlaku.

Polis memaklumkan mereka yang terjaga selepas kebakaran berlaku dilaporkan berada dalam keadaan keliru dan menghadapi kesukaran mencari laluan keluar.

Sejurus menerima panggilan kecemasan, polis dan anggota bomba bergegas ke lokasi untuk mengawal kebakaran serta menyelamatkan mereka yang terperangkap di dalam hotel berkenaan.

Pegawai berkata beberapa mangsa yang maut merupakan penziarah yang berkunjung ke Tarapith untuk bersembahyang di kuil Hindu di bandar itu.

Punca kebakaran yang merebak dengan pantas ke tingkat atas masih dalam siasatan. Beberapa laporan menunjukkan kebakaran itu berpunca daripada litar pintas.

Polis telah membuka kertas siasatan dan mengarahkan siasatan dijalankan berhubung kejadian itu. - ©BERNAMA

# Angka korban Ebola di DR Congo cecah 2,325

**KINSHASA**, 17 Ogos. - Wabak Ebola yang sedang melanda Republik Demokratik Congo (DRC) meragut 2,325 nyawa, sekali gus menjadikannya wabak paling maut pernah direkodkan di negara itu, lapor Xinhua.

DRC merekodkan 4,945 kes yang disahkan termasuk 2,325 kematian sejak wabak semasa bermula, menjadikan kadar kematian sebanyak 47.0 peratus, menurut laporan situasi yang dikeluarkan pihak berkuasa kesihatan negara itu pada Ahad.

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), wabak Ebola 2018-2020 di timur DRC sebelum ini merekodkan 3,481 kes termasuk 2,299 kematian.

Wabak semasa, yang merupakan wabak Ebola ke-17 di DRC sejak virus itu kali pertama dikenal pasti di negara berkenaan pada 1976, diisytiharkan secara rasmi pada 15 Mei dan berpunca daripada spesies virus Ebola Bundibugyo.

Wabak itu menjejaskan 55 zon kesihatan di enam wilayah iaitu Ituri, Kivu Utara, Haut-Uele, Tshopo, Kivu Selatan dan Bas-Uele. WHO memberi amaran bahawa wabak Ebola semasa di DRC berpotensi menjadi yang terburuk pernah direkodkan.

"Ia kini sudah menjadi epidemik Ebola kedua terbesar pernah direkodkan dan merebak lebih pantas berbanding mana-mana wabak Ebola sebelum ini.

"Jika kadar semasa berterusan, ia dijangka mengatasi wabak Ebola Afrika Barat dari 2014 hingga 2016," kata Ketua Pengarah WHO Tedros Adhanom Ghebreyesus pada taklimat media di Geneva Rabu lepas.

Epidemik Afrika Barat 2014-2016, yang merupakan wabak Ebola terbesar pernah direkodkan, menjangkiti lebih 28,600 orang. - ©BERNAMA

# Lebih 50 cedera bom tangan meletup berhampiran sekolah di Kabul

**ISLAMABAD**, 18 Ogos. - Lebih 52 orang cedera selepas sebutir bom tangan meletup berhampiran sebuah sekolah di ibu negara Afghanistan pada Isnin, lapor Anadolu Ajansi memetik media tempatan.

Bom tangan itu meletup berhampiran sebuah sekolah swasta di kawasan Dasht-e-Barchi, menurut penyiar tempatan Tolo News yang memetik jurucakap polis Kabul Khalid Zadran.

Mereka yang cedera dibawa ke hospital, menurut laporan itu. Saksi berkata bom tangan itu berada dalam simpanan seorang pelajar sebelum meletup di tangannya. Zadran berkata pasukan keselamatan bergegas ke lokasi kejadian dan siasatan telah dimulakan. - ©BERNAMA

# Lebih 5 juta orang terjejas akibat cuaca buruk di Republik Filipina

**MANILA,** 17 Ogos. - Jumlah penduduk yang terjejas akibat gabungan kesan Taufan Tropika Luis dan Maymay serta monsun barat daya yang sedang melanda Republik Filipina meningkat kepada kira-kira 5.08 juta orang di 10 wilayah, lapor Agensi Berita Filipina (PNA).

Pegawai penerangan Pejabat Pertahanan Awam (OCD) Diego Mariano berkataindividu yang terjejas itu membabitkan kira-kira 1.45 juta keluarga dari Wilayah Ilocos, Lembah Cagayan, Luzon Tengah, Wilayah Bicol, Visayas Barat, Semenanjung Zamboanga, Calabarzon, Wilayah Pentadbiran Cordillera, Wilayah Ibu Negara (NCR) dan Mimaropa.

Beliau berkata kira-kira 523 pusat pemindahan kini menempatkan kira-kira 7,182 keluarga atau 24,893 orang manakala bantuan yang disalurkan setakat ini berjumlah kira-kira PHP734.1 juta (RM48.6 juta).

Jumlah kematian yang sedang disahkan ialah 23 kematian, terdiri daripada 15 di Benguet, masing-masing tiga di Rizal dan Batangas selain masing-masing satu di La Union dan Quezon.

Sementara itu, 17 orang cedera manakala seorang dilaporkan hilang.

Sebanyak 182 rumah musnah sepenuhnya manakala 1,681 lagi rosak sebahagiannya. - ©BERNAMA

# Cuaca buruk jejas bekalan elektrik lebih 280,000 kediaman di AS

**MOSCOW**, 17 Ogos. - Lebih 280,000 kediaman di Hawaii dan Indiana, Amerika Syarikat (AS) terputus bekalan elektrik pada Ahad akibat cuaca buruk, menurut data penjejak PowerOutage, lapor Sputnik/RIA Novosti.

Setakat 4.24 petang GMT, seramai 151,503 pelanggan di Hawaii mengalami gangguan bekalan elektrik, terutama di daerah Hawaii, Honolulu dan Maui, susulan Taufan Lala.

Pada masa sama, gangguan bekalan elektrik turut menjejaskan 130,403 isi rumah di Indiana ketika beberapa kawasan di negeri itu dilanda banjir.

Terdahulu, Gabenor Hawaii Josh Green berkata lebih 60,000 pelanggan terputus bekalan elektrik ketika Taufan Lala melanda.

Sementara itu, Gabenor Indiana Mike Braun berkata Presiden AS Donald Trump berjanji menyokong permohonan beliau bagi pengisytiharan bencana persekutuan untuk membantu menangani keadaan itu.

Pusat Taufan Kebangsaan AS (NHC) sebelum ini memberi amaran bahawa hujan melebihi 60 sentimeter boleh melanda Hawaii, dengan risiko banjir dan tanah runtuh yang mengancam nyawa. - ©BERNAMA

# BAIDURI MASTERS 2026 BERJAYA KUMPUL BND75,000

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 17 Ogos. - Baiduri Masters 2026 melabuhkan tirainya selepas berlangsung selama dua hujung minggu dengan kutipan sebanyak BND75,000 untuk tujuan kebajikan.

Pencapaian berkenaan sekali lagi mengukuhkan peranan kejohanan tersebut sebagai wadah yang telah sekian lama menghimpunkan pemain golf, penaja, sukarelawan serta masyarakat dalam bersama-sama menyokong usaha kebajikan dan memberikan manfaat kepada mereka yang memerlukan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Terdahulu Ketua Pegawai Eksekutif Bank Baiduri, Ti Eng Hui, dalam ucapan alu-aluannya merakamkan penghargaan kepada para pemain golf, penaja, sukarelawan dan penyokong atas sumbangan mereka dalam menjayakan satu lagi edisi kejohanan berkenaan.

Beliau turut menyatakan bahawa walaupun jumlah kutipan yang dicapai amat menggalakkan, kejayaan sebenar Baiduri Masters terletak kepada kemurahan hati orang ramai yang terus menyokong acara berkenaan dari tahun ke tahun.

Ti Eng Hui juga menegaskan semula komitmen kejohanan untuk menyalurkan 100 peratus yuran pendaftaran pemain golf secara terus kepada badan-badan kebajikan, satu amalan yang telah dilaksanakan sejak 2024.

Seramai 653 pemain golf telah mendaftar untuk menyertai kejohanan pada tahun ini. Hasil daripada yuran pendaftaran pemain golf berkenaan telah diagihkan secara sama rata kepada lima organisasi kebajikan, iaitu La Vida, SMARTER Brunei, Learning Ladders Society, Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, dan An-Nur Harapan dengan setiap organisasi menerima sumbangan sebanyak BND15,000.

Dalam kejohanan berkenaan, Lim Beng Keat berjaya mempertahankan kejuaraan gelaran Baiduri Masters selepas mencatatkan skor cemerlang 66 pukulan pada pusingan penentuan kejuaraan.

Beliau menamatkan saingan di hadapan bekas juara, Awangku Mohd. Syakir Pengiran Alli yang mencatat 68 pukulan, empat di bawah par, manakala juara Baiduri Masters 2024, Muhd. Irwan Haji Abd. Hamid menduduki tempat ketiga dengan 69 pukulan.

Sementara Awangku Muhd. Zaidan Pengiran Haji Ahmad Zaki, pemain muda berusia 15 tahun yang meningkat daripada Kategori Junior untuk bersaing dalam Kategori Terbuka, mencuri tumpuan menerusi persembahan cemerlang apabila menduduki tempat keempat dengan catatan 71 pukulan, iaitu satu di bawah par.

Manakala bekas juara Baiduri Masters, Johari Ahmad, menyusuli di tempat kelima dengan catatan 72 pukulan, sementara Marcel Leong menduduki tempat keenam dengan 74 pukulan.

Melengkapkan senarai 12 terbaik ialah Haji Shahminan Haji Damit dengan 76 pukulan, diikuti Zulhilmi Haji Rosli, pemain berusia 14 tahun, Mohd. Harith Irfan Indera Putera, dan Bryan Chiew dengan 77 pukulan, diikuti Mahendra Phagami dengan 78 pukulan, serta Faiz Damit dengan 84 pukulan.

Prestasi Zaidan dan Harith menyerlahkan bakat golf muda Negara Brunei Darussalam (NBD) yang semakin berkembang, di samping memperlihatkan peluang yang disediakan oleh Baiduri Masters kepada para pemain muda untuk menguji kemampuan mereka menentang pesaing yang lebih berpengalaman.

Persaingan merebut kejuaraan Kategori Wanita turut menjadi tumpuan. Almas Syadzwanie Kamis melengkapkan pencapaian luar biasanya dengan merangkul gelaran Baiduri Masters Ladies buat kali ketiga berturut-turut.

Setelah pertama kali memenangi kejuaraan pada 2024 dan berjaya mempertahankannya pada 2025, Almas sekali lagi menunjukkan konsistensi dan ketenangan untuk kekal di tangga teratas, sekali gus menambah satu lagi pencapaian kepada rekod cemerlang dalam kejohanan berkenaan.

Kejohanan tahun ini turut memperkenalkan Kategori Ladies Longest Drive, yang menambah dimensi baharu kepada persaingan serta menggalakkan penyertaan yang lebih ramai dalam kalangan pemain golf wanita.

Kumar Purja Pun merangkul gelaran Men's Longest Drive, manakala Almas Syadzwanie Kamis pula muncul juara bagi 'inaugural' Ladies' Category, sekali gus melengkapkan persaingan sengit yang menguji ketepatan selain kekuatan pukulan.

Walaupun tiada pemain golf berjaya mencatatkan *hole-in-one* untuk memenangi hadiah utama pada tahun ini, kejohanan berkenaan sekali lagi menawarkan antara hadiah yang paling menjadi rebutan dalam kalendar golf NBD. Hadiah yang ditawarkan termasuk BMW X3, Porsche Macan EV, MINI Cooper serta hadiah wang tunai BND20,000.

Bagaimanapun, beberapa pemain hampir memenangi hadiah berkenaan. Antaranya, satu pukulan hanya berjarak 5 sentimeter daripada Porsche Macan EV di Lubang 16. Percubaan hampir berjaya lain termasuk pukulan yang berjarak 74 sentimeter daripada hadiah wang tunai BND20,000; 50 sentimeter daripada MINI Cooper dan satu meter daripada BMW X3.

Baiduri Masters 2026 mendapat sokongan daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku penyokong rasmi. QAF Auto Sdn. Bhd. dan QAF Prestige Sdn. Bhd. pula merupakan rakan acara kejohanan, dengan menyumbangkan BMW X3, MINI Cooper dan Porsche Macan EV yang ditawarkan sebagai hadiah *hole-in-one* sepanjang kejohanan.

Sementara Borneo Bulletin dan Media Permata pula berperanan sebagai rakan media eksklusif, dengan menyediakan liputan sepanjang dua hujung minggu pertandingan.

Dengan berakhirnya saingan dan penyampaian trofi kepada para pemenang, Baiduri Masters sekali lagi membuktikan peranannya bukan sahaja sebagai medan pertandingan golf, malah sebagai platform untuk menggalakkan semangat kemasyarakatan dan menyokong usaha kebajikan.

Selama lebih tiga dekad, kejohanan berkenaan terus menghimpunkan masyarakat untuk bersaing, menyumbang dan memberi impak positif kepada kehidupan orang lain.




**YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat majlis dan menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang.**

# NBD raih pingat gangsa bagi Sukan Taekwondo




**ATLET taekwondo negara, Awang Muhammad Alwi Naqiuddin bin Md. Nordi berjaya meraih pingat gangsa setelah mara hingga ke peringkat separuh akhir.**

**Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali**
**Foto : Ihsan Urus Setia Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Malaysia (SUKMA) XXII Selangor 2026**

**SELANGOR, MALAYSIA**, Isnin, 17 Ogos. - Pertandingan Taekwondo bagi Kategori Heavy Weight Lelaki +87kg berlangsung pada hari keempat (hari terakhir) kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) XXII Selangor 2026 dengan menyaksikan beberapa perlawanan sengit melibatkan atlet kontinjen Negara Brunei Darussalam (NBD).

Dalam pusingan awal, kontinjen negara, Awang Muhammad Alwi Naqiuddin bin Md. Nordi berjaya menewaskan Muhammad Asyraf Darwisy dari tuan rumah Negeri Selangor. Perlawanan berlangsung selama tiga pusingan dan kontinjen NBD muncul sebagai pemenang dengan keputusan mata 7 - 14, 9 - 8 dan 10 - 11.

Pada pusingan suku akhir pula, Awang Muhammad Alwi Naqiuddin bin Md. Nordi menentang Muhammad Izdihar Hambali dari Kedah dan sekali lagi mencatat kemenangan dengan keputusan 8 - 0, 6 - 14 dan 6 - 6, mata yang diperoleh melalui Advantage Attack.

Pada peringkat separuh akhir, Awang Muhammad Alwi Naqiuddin bin Md. Nordi sekali lagi turun beraksi namun tewas kepada Aj Ong Yang Yi yang merupakan atlet kebangsaan Sarawak, pemenang pingat Emas bagi SUKMA Selangor 2026 dan SUKMA Sarawak 2024 dengan keputusan 0 - 18 dan 1 - 17.

Walau bagaimanapun, pencapaian tersebut telah menghasilkan kontinjen NBD dengan meraih pingat gangsa bersama Negeri Sembilan. Pertandingan turut diakhiri dengan upacara penyampaian pingat pada pukul 7.00 malam. Chef de Mission kontinjen NBD turut menyaksikan pertandingan serta memberikan sokongan kepada atlet yang bertanding.

# Pasukan badminton negara tidak bernasib baik

**Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali**
**Foto : Ihsan Urus Setia Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Malaysia (SUKMA) XXII Selangor 2026**

**SELANGOR, MALAYSIA**, Selasa, 18 Ogos. - Pasukan badminton Kontinjen Negara Brunei Darussalam (NBD) meneruskan perlawanan pada hari ketiga berdepan dengan pasukan dari Pahang dalam perlawanan Kumpulan 'C' pada temasya Sukan Malaysia (SUKMA XXII) 2026 di Setia City Convention Centre, Selangor, Malaysia.

Perlawanan pertama berlangsung pada pukul 12.00 tengah hari iaitu pertandingan dalam Acara Perseorangan Pertama, Dessen Chung Min Tin tewas kepada Lim Boon Le dengan keputusan 16 - 21 dan 16 - 21.

Perlawanan kedua dalam Kategori Regu iaitu Awang Mohammad Haziq bin Roze dengan Awang Muhd. Izzuddin bin Ermadena juga tewas kepada pasangan Muhammad Shazmir Irfan bin Sahrul dengan Wong Yun Hang dengan kiraan mata 11 - 21 dan 12 - 21.

Bagi Acara Perseorangan Kedua pula, Awang Muhd. Talipuddin bin Ermadena tewas kepada Marcus Hang Yug Hwei dengan kiraan mata 19 - 21 dan 11 - 21.



**ATLET-atlet badminton negara gagal memenangi perlawanan dalam Kategori Regu dan Acara Perseorangan Pertama serta Acara Perseorangan Kedua.**

PELITA BRUNEI




# MENGHARGAI KERJASAMA DALAM MENJAYAKAN KLINIK BOLA SEPAK




YANG Mulia Timbalan Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat majlis berkenaan yang telah mengambil tempat di Bilik Padian, The Brunei Hotel. Turut hadir, Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke NBD, Tuan Yang Terutama Dr. Tamer Mansy (kiri sekali dan kiri).

**Oleh : Nooratini Haji Abas**
**Foto : Pg. Nur Hafilah Pg. Osman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 18 Ogos. - Suruhanjaya Tinggi Kanada di Negara Brunei Darussalam (NBD) hari ini menganjurkan Majlis Jamuan Tengah Hari bagi menandakan berakhirnya Piala Dunia FIFA 2026 dan meraikan peranan Kanada sebagai tuan rumah bersama kejohanan tersebut.

Majlis yang diadakan di Bilik Padian, The Brunei Hotel tersebut menghimpunkan wakil-wakil dari Kementerian Pendidikan dan diserikan dengan kehadiran Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal yang juga hadir selaku tetamu kehormat majlis.

Acara itu juga memberi peluang untuk mengiktiraf kerjasama yang berjaya antara Suruhanjaya Tinggi Kanada di NBD dan Kementerian Pendidikan dalam menganjurkan dua Klinik Bola Sepak untuk lebih daripada 100 murid sekolah rendah di NBD.

Pada majlis itu juga, Suruhanjaya Tinggi Kanada di NBD merakamkan penghargaan kepada Jabatan Perkembangan Kurikulum dan Jabatan Sekolah-sekolah (JSS) atas sokongan mereka dalam menjayakan inisiatif tersebut.

Dianjurkan bersempena dengan Piala Dunia FIFA 2026, klinik-klinik tersebut menggunakan bola sepak sebagai platform untuk mendekati golongan muda, menggalakkan gaya hidup aktif dan sihat serta memupuk semangat kerjasama, rasa hormat dan persahabatan melalui sukan.

Sementara itu, Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke NBD, Tuan Yang Terutama Dr. Tamer Mansy, menekankan kepayaan sukan dalam menghubungkan masyarakat merentasi sempadan.

"Piala Dunia FIFA mengingatkan kita bahawa sukan bukan sekadar mengenai pertandingan. Ia menyatukan orang ramai dan negara, mewujudkan pengalaman bersama, serta memberi inspirasi kepada golongan muda.

"Sebagai tuan rumah bersama kejohanan 2026 yang berbangga, Kanada berbesar hati untuk membawa sebahagian daripada semangat tersebut ke NBD dan berkongsinya dengan lebih daripada 100 murid muda," ujarnya. Tuan Yang Terutama Dr. Tamer Mansy juga melahirkan ucapan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan atas kerjasama dan sokongan mereka.

"Kami berterima kasih kepada Kementerian Pendidikan, khususnya Jabatan Perkembangan Kurikulum dan JSS, kerana bekerjasama dengan kami bagi menjayakan Klinik Bola Sepak ini. Kerjasama ini membolehkan kami menterjemahkan keterujaan Piala Dunia kepada satu pengalaman yang bermakna bagi golongan muda di NBD," tambah Tuan Yang Terutama lagi.

Menurut TYT, Inisiatif tersebut merupakan sebahagian daripada usaha menyeluruh Suruhanjaya Tinggi untuk memperkukuh hubungan antara rakyat Kanada dan NBD melalui pendidikan, penglibatan belia, sukan, dan pertukaran budaya.

Kanada menjadi tuan rumah bersama Piala Dunia FIFA 2026 dengan Mexico dan Amerika Syarikat, di mana perlawanan diadakan di bandar-bandar tuan rumah Kanada iaitu Toronto dan Vancouver.

# Kontinjen Pencak Silat mara ke Peringkat Separuh Akhir

**Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali**
**Foto : Ihsan Urus Setia Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Malaysia (SUKMA) XXII Selangor 2026**

**SELANGOR, MALAYSIA**, Selasa, 18 Ogos. - Pertandingan Pencak Silat bagi hari kelima temasya Sukan Malaysia (SUKMA) XXII Selangor 2026 telah berlangsung melibatkan beberapa perlawanan Pusingan Suku Akhir dalam Kategori Lelaki dan Wanita berlangsung di Dewan Seri Sarjana, UNITEN.

Dalam Kategori Kelas 'D' Lelaki, wakil Kontinjen Negara Brunei Darussalam (NBD), Awang Muhammad Sufi Muazzam tewas kepada wakil Perak, Muhammad Harris Fiqri bin Roslan dengan keputusan 44 - 19.

Bagi Kategori Kelas 'G' Lelaki pula, wakil negara, Awang Mohammad Matin Adrian bin Awang Roy, mencatat kemenangan ke atas wakil Johor, Harriz Naufal bin Md. Fadly, dengan keputusan 66 - 62. Kemenangan ini membolehkan NBD mara ke Peringkat Separuh Akhir.

Sementara itu, pada sesi petang, Dayang Nur Asyifa Shabeqah binti Masli dari NBD berjaya menewaskan Solehah binti Abdullah dari Negeri Sembilan dalam Kategori Kelas 'B' Wanita, dengan keputusan 30 - 20, setelah keputusan bantahan protes yang telah diterima oleh pihak penganjur dan seterusnya melayakkan Dayang Nur Asyifa Shabeqah ke Peringkat Separuh Akhir.



**DUA atlet Pencak Silat negara maju ke peringkat separuh akhir setelah berjaya meraih kemenangan terhadap pihak lawan pada hari kelima temasya Sukan Malaysia XXII Selangor 2026.**